

PERCERAIAN DI KAWASAN TENGAH DAERAH BESUT, TERENGGANU
DARI TAHUN 1983 HINGGA 1987

Siti Fatimah Bt. Abdul Rahman
No. Matrik: 057944

Latihan Ilmiah
Bagi Memenuhi Sebahagian
Daripada Syarat-Syarat Untuk
Ijazah Sarjana Muda Sastera

Jabatan Antropologi dan Sosiologi
Universiti Malaya
Kuala Lumpur

Sesi 1991/92

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim,

Alhamdulillah, syukur saya ke hadrat Allah kerana dengan kudrat dan hidayatNya, saya telah dapat menyiapkan latihan ilmiah ini. Dalam ruangan ini saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka yang telah membantu saya, secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan latihan ilmiah ini.

Pertama sekali ucapan terima kasih ini ditujukan kepada Penyelia saya, Prof. Madya Abdul Hadi Zakaria yang telah banyak memberikan bantuan dan tunjukajar. Tiada kata-kata yang dapat menggambarkan betapa berterimakasihnya saya kepada beliau atas apa yang telah dilakukannya untuk membantu saya dari mula saya membuat kajian hingga ke akhir penulisan latihan ilmiah ini.

Terima kasih juga diucapkan kepada Ustaz Mohd. Zain b. Che Man dan Cik Rohana dari Pusat Islam yang telah membenarkan saya mendapatkan data perkahwinan dan perceraian bagi seluruh Malaysia dari tahun 1981 hingga 1990. Terima kasih juga kepada Puan Hendon atas bantuannya dalam membaca borang keterangan cerai dan Puan Katijah yang telah menaip latihan ilmiah ini.

Akhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan semua yang telah banyak memberi bantuan dan dorongan sepanjang penulisan latihan ilmiah ini.

Hanya Allah sahaja yang dapat membala budi baik anda semua.

Sekian. Wassalam.

Siti Fatimah Abd. Rahman
Jabatan Antropologi dan Sosiologi
Universiti Malaya
1991/92

SINOPSIS

Kajian ini dilakukan untuk mengkaji hal-hal yang berkaitan dengan perceraian seperti pola-pola perceraian, sebab-sebab yang membawa kepada perceraian, kesan-kesan perceraian dan peruntukan-peruntukan dalam Islam yang dapat mengurang dan mengatasi kesan-kesan perceraian. Selain dari itu, kajian ini juga menguji salah satu model Teori Marital Adjustment yang dikemukakan oleh Jessie Bernard iaitu Model Asimilasi.

Kesemua aspek ini dibincangkan dalam 5 buah bab dalam latihan ilmiah ini, iaitu:

Bab I: Bab ini membincangkan tentang latarbelakang kajian seperti kepentingan kajian, objektifnya, metodologi yang digunakan dan lain-lain lagi.

Bab II: Bab ini membincangkan tentang pola-pola perceraian, yang ditemui dalam kajian ini.

Bab III: Bab ini menganalisa sebab-sebab berlakunya perceraian dan cuba mengaitkan sebab-sebab itu dengan aspek-aspek seperti tempoh nikah, kampung asal pasangan, jenis perkahwinan yang diamalkan dan bilangan anak hasil dari perkahwinan tersebut.

Bab IV: Bab ini membincangkan tentang kesan-kesan perceraian terhadap mereka yang terlibat iaitu suami, isteri, anak-anak dan keluarga kedua belah pihak. Bab ini juga mengemukakan peruntukan-peruntukan dalam Islam bagi mengurang dan mengatasi kesan dari sesuatu perceraian.

Bab V: Bab ini adalah bab kesimpulan yang memuatkan semua penemuan yang didapati dari kajian ini.

Adalah diharapkan latihan ilmiah ini akan dapat meningkatkan pengetahuan kita tentang perceraian dan isu-isu yang berkaitan dengannya.

SENARAI ISI KANDUNGAN

	<u>Muka Surat</u>
DEDIKASI	(i)
PENGHARGAAN	(ii)
SINOPSIS	(iv)
SENARAI ISI KANDUNGAN	(vi)
SENARAI JADUAL	(ix)
SENARAI LAMPIRAN	(xi)
BAB I : PENGENALAN	
1.1 Latarbelakang	1
1.2 Kepentingan Kajian	3
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Metodologi Kajian	6
1.4.1 Jenis Maklumat dan Data	6
1.4.2 Bagaimana Data Dikumpul	7
1.4.3 Kawasan Kajian	8
1.4.4 Rekabentuk Bersampelan	9
1.4.5 Teori dan Mengapa Ia Dipilih	10
1.5 Masalah Semasa Kajian	12
1.6 Batasan Kajian	13
1.7 Ulasan Karya-Karya Awal	14
BAB II : POLA-POLA PERCERAIAN	
2.1 Definisi Perceraian	17
2.2 Tempoh Nikah	18

Muka Surat

2.3 Kampung Asal Pasangan	20
2.4 Belanja Nikah dan Cara Bayarannya	21
2.5 Bilangan Talak	23
2.6 Bilangan Anak	24
2.7 Umur Anak yang Bongsu	26
2.8 Poligini	27
2.9 Siapa Yang Berkehendakkan Perceraian	27
2.10 Perkahwinan dan Perceraian Yang "Habitual"	28
2.11 Kesimpulan	30

BAB III: SEBAB-SEBAB PERCERAIAN

3.1 Sebab-Sebab Perceraian	31
3.2 Tidak Sesuai	32
3.3 Isteri Tidak Suka Bermadu	38
3.4 Sedikit Pertelingkahan	41
3.5 Tidak Mahu Ikut Suami	42
3.6 Suami Tua atau Sakit	44
3.7 Masalah Dengan Mertua	45
3.8 Cemburu	46
3.9 Kesimpulan	48

BAB IV : HAL-HAL SELEPAS PERCERAIAN

4.1 Kesan-Kesan Perceraian	51
4.1.1 Kesan Terhadap Suami	51
4.1.2 Kesan Terhadap Isteri	52
4.1.3 Kesan Terhadap Anak-Anak	54

Muka Surat

4.1.4 Kesan Terhadap Keluarga Kedua Belah Pihak	56
4.2 Peruntukan-Peruntukan Dalam Islam Bagi Mengurangkan dan Mengatasi Kesan-Kesan Perceraian	56
4.2.1 Mut'ah	57
4.2.2 Nafkah Edah	59
4.2.3 Harta Sepencarian	62
4.2.4 Hak Penjagaan Anak (Hadalah)	63
4.2.5 Nafkah Anak	65
4.2.6 Rujuk	67
4.2.7 Nikah Semula	69
4.3 Kesimpulan	71

BAB V : KESIMPULAN

5.1 Kesimpulan Kajian	73
5.2 Pola-Pola Perceraian	73
5.3 Sebab-Sebab Perceraian	74
5.4 Kesan-Kesan Perceraian	77
5.5 Peruntukan-Peruntukan Dalam Islam Bagi Mengurang dan Mengatasi Kesan Perceraian	79
5.6 Kesimpulan	80

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

Muka Surat

Jadual 1.1	:	Bilangan Perkahwinan, Perceraian dan Peratus Perceraian Bagi Seluruh Malaysia Dari Tahun 1980 - 1989	2
Jadual 1.2	:	Perceraian Per 1000 Perkahwinan di Negara-Negara Terpilih di Antara Tahun 1890 Hingga 1974	4
Jadual 2.1	:	Tempoh Nikah	19
Jadual 2.2	:	Kampung Asal Pasangan	20
Jadual 2.3a	:	Jumlah Belanja Nikah	22
Jadual 2.3b	:	Cara Bayaran Belanja Nikah	23
Jadual 2.4	:	Bilangan Talak	23
Jadual 2.5	:	Bilangan Anak	25
Jadual 2.6	:	Umur Anak Yang Bongsu	26
Jadual 2.7	:	Poligini	27
Jadual 2.8	:	Siapa Yang Berkehendakkan Perceraian	28
Jadual 2.9	:	Jadual Silang Tempoh Nikah Dengan Bilangan Isteri	29
Jadual 3.1	:	Sebab-Sebab Perceraian	31
Jadual 3.2a	:	Sebab Dengan Tempoh Nikah	33
Jadual 3.2b	:	Sebab Dengan Kampung Asal Pasangan	35
Jadual 3.2c	:	Sebab Dengan Poligini	36
Jadual 3.2d	:	Sebab Dengan Tempoh Nikah Bagi Mereka Yang Tiada Anak	37
Jadual 3.2e	:	Sebab Dengan Tempoh Nikah Bagi Mereka Yang Mempunyai 1 - 2 Orang Anak	39
Jadual 4.1	:	Kesanggupan Membayar Nafkah Edah	61
Jadual 4.2	:	Jumlah Nafkah Edah	62

Muka Surat

Jadual 4.3	:	Hak Penjagaan Anak	65
Jadual 4.4	:	Kesanggupan Membayar Nafkah Anak	66
Jadual 4.5	:	Jumlah Nafkah Anak	67
Jadual 4.6	:	Bilangan Pasangan Yang Rujuk	68
Jadual 4.7	:	Tempoh Cerai-Rujuk	69

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran A : Jumlah Perkahwinan, Perceraian dan Rujuk Seluruh Malaysia Bagi Tahun 1990
- Lampiran B : Jumlah Perkahwinan, Perceraian dan Rujuk Seluruh Malaysia Bagi Tahun 1989
- Lampiran C : Jumlah Perkahwinan, Perceraian dan Rujuk Seluruh Malaysia Bagi Tahun 1988
- Lampiran D : Jumlah Perkahwinan, Perceraian dan Rujuk Seluruh Malaysia Bagi Tahun 1987
- Lampiran E : Jumlah Perkahwinan, Perceraian dan Rujuk Seluruh Malaysia Bagi Tahun 1986
- Lampiran F : Jumlah Perkahwinan, Perceraian dan Rujuk Seluruh Malaysia Bagi Tahun 1985
- Lampiran G : Jumlah Perkahwinan, Perceraian dan Rujuk Seluruh Malaysia Bagi Tahun 1984
- Lampiran H : Jumlah Perkahwinan, Perceraian dan Rujuk Seluruh Malaysia Bagi Tahun 1983
- Lampiran I : Jumlah Perkahwinan, Perceraian dan Rujuk Seluruh Malaysia Bagi Tahun 1982
- Lampiran J : Jumlah Perkahwinan, Perceraian dan Rujuk Seluruh Malaysia Bagi Tahun 1981
- Lampiran K : Jumlah Perkahwinan, Perceraian dan Rujuk Seluruh Malaysia Bagi Tahun 1980
- Lampiran L : Soalselidik
- Lampiran M : Peta 1 - Negeri Terengganu Dalam Peta Semenanjung Malaysia
- Lampiran N : Peta 2 - Pembahagian Daerah Di Negeri Terengganu
- Lampiran O : Peta 3 - Daerah Besut
- Lampiran P : Populasi Negeri Terengganu Mengikut Kumpulan Etnik, Jantina dan Daerah Bagi Tahun 1980.
- Lampiran Q : Jadual Perkara-Perkara Yang Wajib atau Tidak Ke Atas Perempuan Yang Bercerai Dengan Suaminya DAN Hukum-Hukum Yang Wajib atau Tidak Ke Atas Suaminya

BAB I

PENGENALAN

1.1 Latarbelakang

Penceraian adalah satu topik yang kontroversial kerana di satu segi ia akan meninggalkan kesan yang buruk kepada mereka yang terlibat tetapi dari segi yang lain, ia adalah satu penyelesaian yang terbaik jika sesuatu perkahwinan itu tidak dapat diteruskan lagi.

Barelson dan Steiner menyatakan bahawa hampir dalam semua masyarakat, sama ada yang buta huruf, yang mundur ataupun yang maju, terdapat prosedur untuk memberhentikan perkahwinan dan melepaskan pasangan iaitu perceraian (Dipetik dari Tai, 1975: 61). Namun, walaupun penceraian dibenarkan di sesetengah masyarakat, ia masih menerima penolakan sosial (social disapproval)(Tai, 1975: 61). Walaupun bagaimanapun, dalam sesetengah masyarakat, konsep perceraian ini tidak wujud langsung (Westermark, 1971: 436).

Menurut sumber terbaru dari Pusat Islam, dalam tahun 1990 sahaja, terdapat sebanyak 58,928 perkahwinan dan 8,224 kes penceraian di kalangan orang-orang Islam di Malaysia, tidak termasuk kes-kes yang berlaku di Melaka dan Sarawak (sila lihat Lampiran A). Ini bererti dalam tahun berkenaan, peratus penceraian ialah 13.96%. Walaupun peratusan ini agak rendah berbanding dengan negara lain tetapi jika dilihat dari segi angka, ia melibatkan lebih dari 8 ribu keluarga. Oleh itu, kesan dari gejala ini terhadap mereka yang terlibat tidak boleh dipandang ringan.

Peratus penceraian di antara tahun 1980 hingga 1989 didapati menurun (Jadual 1.1). Ini mungkin disebabkan oleh Akta Undang-Undang Keluarga Islam yang diluluskan pada 1984 dan perlaksanaan Enakmen Pentadbiran Keluarga Islam yang berperingkat-peringkat mengikut negeri. Walaupun peratus penceraian semakin menurun, kajian ke atasnya perlu dibuat agar bilangannya akan dapat dikurangkan lagi.

Jadual 1.1: Bilangan Perkahwinan Penceraihan dan Peratus Penceraihan Bagi Seluruh Malaysia Dari Tahun 1980 hingga 1989

Jenis Tahun	Perkahwinan (Bil)	Penceraihan (Bil)	Peratus Penceraihan
1980	117,460	37,539	31.96
1981	68,389	15,051	22.00
1982	73,714	15,182	20.60
1983	72,706	14,667	20.17
1984	75,481	13,191	17.48
1985	76,512	13,636	17.82
1986	73,776	12,971	17.52
1987	73,855	12,462	16.87
1988	81,424	12,596	15.47
1989	66,477	9,221	13.87

Sumber: Sistem Maklumat Islam, Pusat Islam, Kuala Lumpur

Penceraihan juga berlaku dengan meluasnya di negara luar. Negara yang mempunyai kadar penceraihan yang tinggi di kalangan masyarakat industri ialah Amerika Syarikat (Hutter, 1981: 436).

Paul C. Glick, seorang pakar demografi melaporkan bahawa negara-negara lain yang mempunyai kadar penceraian yang tinggi ialah Russia, Hungary dan Cuba (Dipetik dari Hutter, 1981: 436). Jadual 1.2 ialah perbandingan kadar penceraian untuk menunjukkan corak-corak penceraian di negara-negara lain.

Jadual 1.2 menunjukkan bahawa penceraian adalah satu fenomena sosial yang semakin meningkat bilangannya di negara-negara maju. Ini akan menimbulkan berbagai masalah sosial yang lain jika tidak dikawal.

1.2 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting dari segi akademik dan praktiknya. Dari segi akademiknya, saya berharap kajian ini dapat memberi sumbangan kepada kefahaman kita tentang fenomena penceraian, khasnya penceraian di kalangan orang-orang Islam. Selain dari itu, kajian ini juga akan menguji sejauhmana kebenaran teori yang dikeluarkan tentang 'marital adjustment'.

Dari segi praktiknya, diharapkan hasil kajian ini akan dapat membantu bakal-bakal pengantin dan pasangan suami-isteri untuk mengelakkan diri dari penceraian. Ini dapat dilakukan dengan dua cara iaitu pertama, dengan mengelakkan diri dari perkahwinan yang ada potensi untuk gagal dan kedua, dengan memahami sebab-sebab penceraian dan cara untuk mengatasi sebab-sebab tersebut.

Menurut Kirkpatrick, penceraian itu diwarisi di mana mereka yang bercerai cenderung untuk bercerai lagi dan anak-anak yang

Jadual 1.2: Perceraian Per 1000 Perkahwinan Di Negara-Negara Terpilih
Di Antara Tahun 1890 Hingga 1974 (Hutter, 1981: 437)

Negara	1890	1900	1910	1920	1930	1940	1950	1971 - 1974
Amerika Syarikat	55.6	75.3	87.4	133.3	173.9	165.3	231.7	424.0 ^c
German ^a		17.6	29.9	40.7	72.4	125.7	145.8	186.0 ^d
England dan Wales				8.0	11.1	16.5	86.1	279.0 ^e
Perancis	24.3	26.1	46.3	49.4	68.6	80.4	106.9	117.0 ^f
Sweden		12.9	18.4	30.5	50.6	65.1	147.7	380.0 ^g
Mesir					269.0 ^b	273.0	273.0	204.0 ^h
Jepun	335.0	184.0	131.0	100.0	98.00	76.0	100.0	98.0 ⁱ

Nota: a - 1950-1971 West Germany

b - 1935

c - 1974

d - 1971

e - 1972

f - 1971

g - 1972

h - 1971

i - 1972

kehilangan kasih sayang atau anak-anak yang ibubapa mereka bercerai, mungkin terlibat dengan delinkuensi, melanggar undang-undang dan mengalami masalah dalam perkahwinan mereka (Kirkpatrick, 1972: 313).

Jika masalah penceraian ini tidak dikaji, gambaran sebenar fenomena ini tidak akan diketahui. Akibatnya, tiada langkah-langkah yang diambil untuk membaiki keadaan. Penceraian akan memberi kesan negatif bukan sahaja kepada mereka yang terlibat tetapi juga kepada masyarakat keseluruhannya. Dalam keadaan terdesak, para janda mungkin akan melacurkan diri untuk membesarkan anak-anak manakala anak-anak yang terbiar mungkin akan terlibat dengan penagihan dadah atau kegiatan-kegiatan yang tidak sihat yang lain (Ahmad Shukran, 1988: 70). Jadi, kajian ke atas fenomena ini perlu dibuat untuk memahaminya dan mencari jalan untuk mengatasi masalah ini atau cuba menanganinya dengan sebaik-baiknya sekiranya sesuatu penceraian itu tidak dapat dielakkan.

1.3 Objektif Penyelidikan

Objektif kajian ini ialah untuk melihat:

- (i) Pola-pola penceraian
- (ii) Sebab-sebab penceraian berlaku
- (iii) Kesan-kesan dari penceraian
- (iv) Peruntukan-peruntukan dalam Islam bagi membela nasib mereka yang terlibat

1.4 Metodologi Kajian

1.4.1 Jenis Maklumat dan Data

Data-data yang dikumpulkan terbahagi kepada 2 jenis iaitu data primer dan data sekunder. Data primer ialah data yang diambil dari borang keterangan cerai dan sijil nikah yang dialihkan ke dalam soalselidik yang digunakan.

Data sekunder pula ialah data-data yang diambil dari:

- (i) Suratkhabar
- (ii) Buku-buku
- (iii) Latihan-latihan ilmiah
- (iv) Bahagian Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan perdana Menteri

Maklumat yang digunakan dalam kajian ini terdiri dari 3 kategori utama iaitu pola-pola penceraian, sebab-sebab penceraian dan hal-hal selepas bercerai.

Pola-pola penceraian terdiri dari maklumat tentang tempoh nikah, kampung asal pasangan, apakah suami mengamalkan poligami, jumlah belanja nikah, cara bayaran belanja nikah, bilangan anak dari perkahwinan tersebut dan umur anak bongsu.

Maklumat tentang sebab-sebab penceraian merujuk kepada sebab-sebab yang diberikan oleh responden yang menerangkan mengapa mereka ingin bercerai.

Hal-hal selepas penceraian terbahagi kepada 2 bahagian iaitu kesan-kesan dari penceraian dan peruntukan-peruntukan dalam undang-undang Islam bagi membela nasib mereka yang terlibat. Untuk tujuan ini, maklumat lebih merupakan maklumat sekunder yang diperolehi melalui kajian perpustakaan.

1.4.2 Bagaimana Data Dikumpul

Dalam kajian ini, tiada 'field-work' dilakukan. Kajian hanya berpandukan kepada kes fail yang berupa borang keterangan cerai dan sijil nikah dan juga kajian perpustakaan.

Walau bagaimanapun, soalselidik ada digunakan di mana maklumat tentang mereka yang terlibat yang tercatat dalam borang keterangan cerai itu dialihkan ke dalam soalselidik dan dari sinilah penganalisaan dibuat. Dalam soalselidik ini terdapat soalan terbuka dan tertutup bagi memudahkan pengumpulan data (Lampiran L).

Data sekunder pula dikumpul dengan dua cara iaitu melalui pembacaan saya semasa kajian perpustakaan dan memohon data-data tertentu dari Sistem Maklumat Islam, Pusat Islam.

Walaupun saya tidak melakukan 'field-work' tetapi kaedah menggunakan data terkumpul juga ada kebaikan-kebaikannya. Salah satu kelebihannya ialah ia menjimatkan perbelanjaan kerana saya tidak perlu ke tempat kajian dan tinggal di sana yang akan melibatkan kos perjalanan dan tempat tinggal yang mungkin tinggi. Ia juga menjimatkan masa untuk pergi dari satu tempat ke tempat lain untuk mencari responden.

Selain dari itu, penggunaan data terkumpul juga dapat mengelakkan bias dan ralat dalam jawapan, baik berpunca dari penyelidik, maupun dari responden melalui cara menyoal, misalnya.

Memandangkan topik yang dikaji adalah agak sensitif maka saya rasakan bahawa cara ini adalah cara yang termudah untuk mendapatkan jawapan yang sebenar. Ini adalah kerana jika soalan-soalan yang sensitif ditanya secara terus kepada responden, ada kemungkinan mereka akan keberatan untuk bekerjasama atau mereka mungkin akan memberikan jawapan yang tidak tepat dan ini akan membantutkan kajian ini.

1.4.3 Kawasan Kajian

Kajian saya bertumpu kepada penceraian yang berlaku di kawasan tengah daerah Besut, Terengganu. Kawasan ini menjadi kawasan kajian saya kerana borang asal keterangan cerai dari kawasan ini berada dalam simpanan penyelia saya.

Negeri Terengganu terletak di pantai timur Semenanjung Malaysia. Di utara dan barat lautnya, negeri ini bersempadan dengan Kelantan dan di selatan dan barat dayanya pula ia bersempadan dengan Pahang (Lampiran M). Terengganu mempunyai pantai yang panjangnya lebih dari 240 km mengadap Laut China Selatan. Jumlah penduduknya ialah 525,255 orang dan ibu negerinya ialah Kuala Terengganu (Information Malaysia 1988 Yearbook, 1988: 725).

Dari segi pentadbiran, negeri Terengganu dibahagikan kepada 6 daerah iaitu Kuala Terengganu (500.7 batu persegi),

Ulu Terengganu (1474.1 batu persegi), Marang (208.0 batu persegi), Dungun (1018.4 batu persegi), Kemaman (947.1 batu persegi) dan Besut (879.2 batu persegi) (Lampiran N). Tiap-tiap daerah dibahagikan kepada beberapa mukim dan terdapat 84 mukim (termasuk sub-mukim) dalam negeri ini (Wan Mohd. Wan Ibrahim, 1980/81: 13).

Besut ialah daerah yang paling ke utara dalam negeri Terengganu. Walaupun sekarang ini Besut telah dibahagikan kepada Besut dan Setiu tetapi kajian ini melibatkan daerah Besut yang asal. Bilangan penduduk Besut (mengikut Banci 1980) ialah seramai 100,830 orang. Bilangan penduduk di daerah Besut mengikut kumpulan etnik dan jantina dapat dilihat dalam Lampiran P.

Dari segi pekerjaan, penduduk Besut boleh dibahagikan kepada 2 bidang utama iaitu pertanian dan perikanan. Mereka yang tinggal di pedalaman menceburि bidang pertanian dengan menanam padi, tembakau, kelapa, getah dan lain-lain manakala mereka yang tinggal berhampiran dengan laut kebanyakannya bekerja di sektor perikanan sebagai nelayan (Wan Mohd. Wan Ibrahim, 1980/81: 15, 16).

1.4.4 Rekabentuk Persampelan

Sampel saya merupakan semua kes penceraian di kalangan orang-orang Islam di kawasan tengah daerah Besut, Terengganu dari tahun 1983 hingga 1987. Walau bagaimanapun, ada beberapa kes di mana borang keterangan cerai tidak diisi dengan lengkap dan ini telah menimbulkan kesukaran kepada saya untuk menganalisisnya. Oleh sebab itu, dalam kes-kes yang begini, ia diketepikan dari kajian. Namun, hanya terdapat 13 kes yang seperti ini iaitu 5.8% dari keseluruhan

kes, maka pengecualianya dari kajian ini sudah tentu tidak akan menjaskan hasil kajian ini. Secara amnya, kajian ini meliputi sebanyak 210 kes.

1.4.5 Teori dan Mengapa Ia Dipilih

Teori yang akan digunakan dalam kajian ini ialah teori yang telah dibincangkan oleh Jessie Bernard. Dalam teorinya, persoalan yang dikemukakan ialah mengapa sesetengah orang mengambil keputusan untuk terus bersama manakala yang lain mengambil keputusan untuk berpisah.

Bagi Bernard, dalam sesebuah perkahwinan, oleh kerana pasangan berasal dari keluarga yang berbeza, maka perlu ada penyesuaian antara kedua-dua suami isteri. Perbezaan antara mereka menyebabkan matlamat yang berbeza antara satu sama lain yang membawa kepada konflik. Penyelesaian kepada konflik ini ialah melalui pengorbanan salah satu pihak atau kedua-duanya dalam melepaskan matlamat peribadi masing-masing. Penyesuaian melibatkan perubahan dalam tingkah laku setelah berkahwin dan jika perubahan ini dielak atau dinafikan, maka hubungan itu tidak akan kekal dan perpisahan akan atau berkemungkinan untuk terjadi (Cohen, 1971: 4).

Dalam teori "Marital Adjustment"nya, Bernard mengemukakan 3 model iaitu model Asimilasi, Model Strategik dan Model "Escalation".

Model Asimilasi menyatakan bahawa salah seorang dari pasangan suami isteri itu cuba mempengaruhi pasangannya untuk mengikut corak pemikirannya yang bertujuan untuk mengelakkan

perbezaan dan mewujudkan persamaan (Bernard, 1964: 166). Kegagalan asimilasi menyebabkan kemungkinan untuk berpisah adalah tinggi (Cohen, 1971: 4).

Dalam Model Strategik pula, pasangan dikatakan lebih sedar tentang konflik yang wujud dalam perkahwinan. Untuk menjamin bahawa perkahwinan dapat diteruskan, pasangan suami isteri itu mewujudkan proses tawar-menawar dalam perkara-perkara yang menimbulkan konflik. Dalam proses ini, suami atau isteri tidak mempunyai kuasa yang penuh, jadi mereka gunakan apa yang mereka ada untuk memanipulasi pasangannya agar dapat menguasai proses membuat keputusan. Ini membawa kepada proses tawar-menawar yang konstan atau mungkin juga mewujudkan kuasa yang seimbang antara suami dan isteri di mana kedua-dua pihak berkompromi demi meneruskan hubungan tersebut. Dalam rangka kerja yang seperti ini, penceraian adalah satu pilihan dari satu set alternatif. Kriteria yang digunakan dalam membuat pilihan ialah nilai iaitu nilai dalam masyarakat dan nilai yang dipegang oleh pasangan itu sendiri terhadap sesuatu alternatif (Cohen, 1971: 4, 5). Bernard juga menyebut bahawa lebih mudah penceraian berlaku, kemungkinannya untuk menjadi penyelesaian kepada sesuatu konflik adalah lebih tinggi (Dipetik dari Cohen, 1971: 5).

Dalam Model "Escalation", perkahwinan dilihat sebagai kekurangan 'escalation' manakala penceraian adalah akibat yang normal dari permusuhan yang bertambah (additive hostility). Dalam interaksi yang demikian, konflik dan perbezaan membesar sehingga satu-satunya akibat yang mungkin ialah pemusnahan

perhubungan tersebut. Jadi, dalam model ini, pemahaman terhadap konsep penceraian adalah satu usaha untuk mengasing dan menganalisa faktor-faktor yang menyebabkan pertambahan (escalation) konflik sehingga menyebabkan penceraian menjadi satu-satunya jalan keluar (Cohen, 1971: 5).

Model yang akan saya gunakan dalam mengkaji sebab-sebab penceraian ialah Model Asimilasi. Saya bersetuju dengan pendapat Cohen dan Bernard bahawa dalam perkahwinan perlu ada penyesuaian antara suami dan isteri agar perhubungan dapat berjalan dengan harmoni. Tanpa penyesuaian, banyak konflik akan timbul dan tanpa penyelesaian yang sebaik-baiknya, penceraian adalah jalan keluar yang termudah.

1.5 Masalah Semasa Kajian

Saya menghadapi beberapa masalah semasa membuat kajian. Salah satu daripadanya ialah masalah membaca borang keterangan cerai kerana ia ditulis dalam tulisan Jawi. Soalan dalam borang itu ialah soalan-soalan terbuka dan terdapat dua jenis tulisan Jawi iaitu yang dicetak dan ditulis tangan. Tulisan Jawi yang bertulis tangan inilah menjadi masalah besar kepada saya kerana ia ditulis oleh mereka yang mahir sehingga sukar untuk saya membacanya. Untuk mengatasi masalah ini saya telah mencari seorang pembantu untuk membacakan borang-borang itu kepada saya dan saya mengalihkan data itu kepada borang soalselidik.

Selain dari itu, saya juga mengalami masalah kekurangan maklumat seperti pendapatan dan umur mereka yang terlibat kerana maklumat seperti ini tidak dibekalkan dalam borang keterangan cerai. Akibatnya, saya terpaksa ketepikan soalan-soalan tersebut yang telah dirangkakan dalam soalselidik.

Selain dari itu, maklumat dalam borang itu juga tidak lengkap. Ketidaklengkapan ini terbahagi kepada dua iaitu responden yang hanya mengisikan 10 peratus dari borang itu dan kes di mana responden tidak menjawab beberapa soalan yang sepatutnya dijawab. Akibatnya, dalam kes yang pertama, mereka terpaksa dikeluarkan dari sampel manakala dalam kes yang kedua, soalan yang tidak dijawab itu dikategorikan sebagai 'tidak dinyatakan'. Oleh kerana kajian ini berpandukan kepada data berkumpul, maka masalah ini tidak dapat diatasi melainkan dengan menerima apa yang ada sahaja.

1.6 Batasan Kajian

Oleh kerana kajian hanya berpandukan kepada borang-borang cerai yang diisi oleh mereka yang terlibat maka data yang diperolehi adalah terhad kepada maklumat-maklumat tertentu yang penting kepada Mahkamah Syariah sahaja. Jadi, kajian ini mempunyai data dan maklumat yang terhad bagi tujuan sosiologi. Walau bagaimanapun, masih banyak lagi aspek sosiologi yang boleh dinilai melalui maklumat yang ada yang juga akan membawa penemuan yang signifikan dalam kajian ini.

1.7 Ulasan Karya-Karya Awal

Karya-karya awal yang akan saya ulas ialah sebuah buku oleh Jack Dominian yang bertajuk "Marital Breakdown" dan dua buah latihan ilmiah yang mana satu daripadanya berlatarbelakangkan Syariah dan yang satu lagi menggunakan pendekatan Sosiologi.

Satu dari perkara yang dibincangkan oleh ketiga-tiga pengkaji ialah sebab-sebab penceraian. Jack Dominian sebagai seorang pakar jiwa, mengaitkan sebab-sebab penceraian ini dengan konflik kejiwaan yang dialami oleh mereka yang terlibat. Oleh itu, dalam tulisannya, sebab penceraian dikaitkan dengan masalah deprivasi, harga diri, psychopathy dan lain-lain (Dominian, 1968: 42, 53, 62).

Ahmad Syukran pula, dalam latihan ilmiahnya yang bertajuk "Fakta-Fakta Penceraian Dalam Masyarakat Islam di Malaysia: Satu Kajian di Daerah Maran, Pahang Darul Makmur" juga melihat sebab-sebab penceraian. Walaupun beliau adalah dari jurusan Syariah tetapi sebab-sebab penceraian yang ditemuiya lebih bersifat umum dan sosiologikal dan penemuannya adalah lebih kurang sama dengan apa yang ditemui oleh Azman Ahmad Aziz dalam latihan ilmiahnya yang bertajuk "Pola Penceraian: Faktor-Faktor Sosial Yang Mempengaruhinya (satu kajian kes atas masyarakat Melayu) di daerah Teluk Anson, Perak" yang berlatarbelakangkan Sosiologi dan Antropologi. Bagi kedua-dua pengkaji ini, sebab-sebab penceraian dikaitkan dengan suami atau isteri yang curang, kurang persefahaman, kurang kefahaman tentang tanggungjawab keluarga dan lain-lain lagi.

Melihat kepada kesan penceraian pula, Dominian menyatakan bahawa penceraian akan meninggalkan kesan psikologi kepada mereka yang terlibat seperti anak-anak yang mengalami kekurangan kasih sayang cenderung untuk melakukan perbuatan devians, membunuh diri dan sebagainya. Azman dan Ahmad Syukran pula melihat kesan dari perspektif yang agak sama di mana bagi mereka penceraian akan meninggalkan kesan sosial yang negatif kepada individu yang terlibat dan masyarakat. Antara kesan-kesan itu ialah pertambahan kadar jenayah dan aktiviti yang tidak sihat yang dilakukan oleh anak-anak dan bekas-bekas isteri yang terlibat.

Oleh kerana latarbelakang Syariahnya itu, maka Ahmad Syukran menyimpulkan bahawa peruntukan dalam Undang-Undang Keluarga Islam adalah bertentangan dengan apa yang digariskan oleh Islam (Ahmad Syukran, 1988: 87). Ini dapat dilihat dari segi umur, lafaz cerai, kuasa menjatuhkan talak dan lafaz taklik selepas akad nikah (Ahmad Syukran, 1988: 87-88).

Azman pula, oleh kerana kajian beliau dikaitkan dengan perubahan sosial maka di akhir latihan ilmiahnya, ia menyimpulkan bahawa walaupun daerah Teluk Anson mengalami perubahan sosial, tetapi ia tidak mengubah struktur dan peranan kekeluargaan di kawasan itu.

Dari sini dapatlah disimpulkan bahawa walaupun ketiga-tiga pengkaji mengkaji topik yang sama tetapi mereka lebih cenderung untuk mengkajinya mengikut latarbelakang dan minat pengkaji itu sendiri. Dari sini dapatlah diandaikan bahawa sesuatu topik itu boleh dikaji

dari berbagai perspektif dan penemuan-penemuannya membolehkan kita memahami sesuatu topik melalui berbagai perspektif.

BAB II

POLA-POLA PERCERAIAN

Pengenalan

Dalam bab ini saya akan membincangkan tentang pola-pola perceraian yang ditemui dalam kajian ini. Ia terdiri dari aspek-aspek berikut:

- (i) Tempoh nikah
- (ii) Kampung asal pasangan
- (iii) Belanja perkahwinan dan cara bayarannya
- (iv) Bilangan talak yang dijatuhkan
- (v) Bilangan anak hasil dari perkahwinan tersebut
- (vi) Umur anak responden yang bongsu
- (vii) Apakah responden mengamalkan poligini
- (viii) Siapa yang berkehendakkan perceraian
- (ix) Perkahwinan dan perceraian yang habitual

2.1 Definisi Perceraian

Secara amnya, bolehlah dikatakan bahawa perceraian adalah proses di mana terputusnya ikatan suami isteri secara rasmi.

Menurut Longman Dictionary of Contemporary English, "divorce" merujuk kepada "the official ending of marriage as declared by a court of law".

Kamus Dwibahasa Dewan Bahasa dan Pustaka pula menterjemahkan "divorce" kepada "sudah putus hubungan suami isteri".

Dalam Islam, perceraian atau dalam bahasa Arabnya "Talaq" boleh didefinisikan sebagai perlepasan dari ikatan perkahwinan sama ada secara segera atau perlahan, dengan menggunakan perkataan-perkataan tertentu, sama ada dilafazkan atau ditulis oleh suami (Ahmed, 1971: 28).

Perceraian yang berlaku secara segera bererti talak yang jatuh pada masa suami melafazkan talak itu. Dalam Islam ia dikenali sebagai "sighah munjizah". Perceraian yang berlaku secara perlahan pula bererti jatuhnya talak bila ada atau berlakunya perkara-perkara yang ditaklikkan selepas talak diucapkan. Ini dikenali sebagai "sighah ta'liq". Contoh sighah ta'liq ialah apabila suami melafazkan,

"Sesiapa sahaja daripada kawan engkau masuk ke rumah ini, maka jatuhlah talak atas engkau."

Maka, jika ada kawan si isteri yang masuk ke rumah itu, maka jatuhlah talak isteri tersebut (Hassan Salleh, 1989: 154, 155).

2.2 Tempoh Nikah

Ini merujuk kepada jangkamasa sepasang suami isteri itu diikat oleh pernikahan sebelum perceraian. Tempoh nikah berbeza dari satu pasangan dengan pasangan yang lain. Ini dapat dilihat dalam Jadual 2.1.

Jadual tersebut menunjukkan bahawa tempoh pihak yang minimum ialah kurang dari satu tahun. Ini bertujuan untuk memudahkan persembahan data. Dalam keadaan sebenar, tempoh nikah yang minimum yang didaftarkan ialah satu hari. Tempoh nikah yang maksimum pula ialah 45 tahun. Dari sini dapat disimpulkan bahawa perceraian terjadi tanpa mengira umur perkahwinan, baik yang hampir berusia setengah abad, mahupun yang baru berusia satu hari.

Jadual 2.1: Tempoh Nikah

Tempoh (Bulan)	Frekuensi	Peratus
1 - 12	63	33.9
13 - 72	61	32.8
73 - 144	34	18.3
145 - 216	8	4.3
217 - 288	9	4.8
289 - 360	3	1.6
361 - 432	3	1.6
433 - 501	2	1.1
502 - 576	3	1.6
JUMLAH	186	100.0

Missing Value: 24

Beberapa penyelidikan awal telah mengkaji jangkamasa perkahwinan sebelum perceraian berlaku. Monahan dan Chancellor mendapati di Iowa, Amerika Syarikat, penceraian sering terjadi semasa perkahwinan berusia di antara 6 - 10 tahun. Penemuan yang

sama direkodkan oleh Hill dan Tarver di Wisconsin. Goode pula mendapati purata umur perkahwinan sebelum perceraian ialah 8.7 tahun (Dipetik dari Dominian, 1968: 18). Statistik mungkin berbeza tetapi semua pengkaji bersetuju bahawa perceraian berlaku lebih kerap di tahun-tahun awal perkahwinan di mana tahap ini merupakan tahap yang kritikal bagi semua pasangan (Dominian, 1968: 18).

Dari apa yang diperkatakan di atas, didapati bahawa perkara yang sama berlaku dalam kajian ini di mana purata tempoh perkahwinan sebelum perceraian ialah 6.5 tahun.

2.3 Kampung Asal Pasangan

Responden dibahagikan kepada 4 kategori pasangan iaitu yang berasal dari:

- (a) Satu kampung
- (b) Kampung berlainan
- (c) Daerah berlainan
- (d) Negeri berlainan

Jadual 2.2: Kampung Asal Pasangan

Kategori	Frekuensi	Peratus
Satu kampung	57	27.1
Kampung lain	109	51.9
Daerah lain	9	4.6
Negeri lain	35	16.7
JUMLAH	210	100.0

Dalam jadual di atas, didapati bahawa kebanyakan pasangan yang bercerai berasal dari kampung yang berlainan. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh hakikat bahawa pasangan dari kampung yang lain bukan sahaja terpaksa membuat penyesuaian dari segi sifat mereka secara individu tetapi juga terpaksa menyesuaikan diri dengan persekitaran yang baru kerana salah seorang dari mereka biasanya terpaksa berpindah ke tempat pihak yang satu lagi. Ini menyebabkan penyesuaian lebih sukar berlaku.

2.4 Belanja Nikah dan Cara Bayarannya

Belanja nikah boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu:-

- (i) Belanja tubuh atau maskahwin
- (ii) Belanja hangus atau wang hantaran (Haji Mokhtar, 1977: 43)

Belanja tubuh atau maskahwin merujuk kepada pembayaran yang wajib diberi oleh suami kepada isterinya, sama ada secara tunai atau hutang (Ahmad Ibrahim, 1965: 191). Belanja hangus atau wang hantaran pula merujuk kepada wang yang diberi oleh pihak lelaki kepada pihak perempuan untuk menyediakan kelengkapan perkahwinan dan digunakan untuk membiayai kenduri pada hari perkahwinan tersebut (Haji Mokhtar, 1977: 43). Syed Alwi al-Hadi (1980: 24) juga memberikan pembahagian yang sama terhadap belanja nikah.

Dalam analisis ini saya dapati ada kekeliruan di kalangan mereka yang terlibat di mana mereka telah menggabungkan maskahwin dan hantaran menjadi satu. Ini terbukti bila ada yang memberikan

jumlah belanja nikah yang begitu kecil sekali iaitu \$25 yang biasanya merupakan maskahwin dan ada yang memberikan \$1500 sebagai belanja nikah yang biasanya merupakan wang hantaran. Maka dalam analisis ini saya gabungkan kedua-duanya iaitu maskahwin dan wang hantaran sebagai belanja nikah. Distribusi belanja nikah ini dapat dilihat dalam Jadual 2.3a.

Dalam keseluruhan kes, jumlah belanja nikah yang minimum ialah \$23, jumlah belanja nikah yang maksimum ialah \$4000 manakala purata jumlah belanja nikah ialah \$405.30.

Jadual 2.3a: Jumlah Belanja Nikah

Jumlah Belanja (\$)	Frekuensi	Peratus	
0001 - 0100	57	27.1	
0101 - 0200	45	21.4	
0201 - 0400	50	23.8	
0401 - 0600	18	8.6	$\bar{x} = \$405.30$
0601 - 0800	10	4.8	
0801 - 1000	15	7.1	
1001 - 1200	1	0.5	
> 1200	14	6.7	
JUMLAH	210	100.0	

Terdapat dua cara untuk membayar belanja nikah ini iaitu secara tunai dan hutang. Dalam kajian ini, 97.6% lelaki membayar belanja nikah secara tunai, manakala selebihnya menghutangkan belanja nikah mereka. Ini ditunjukkan dalam Jadual 2.3b.

Jadual 2.3b: Cara Bayaran Belanja Nikah

Cara Bayaran	Frekuensi	Peratus
Tunai	203	97.6
Hutang	5	2.4
JUMLAH	208	100.0

Missing Value: 2

2.5 Bilangan Talak

Dalam Islam, talak boleh dijatuhkan oleh seorang suami kepada isterinya sebanyak 3 kali sahaja. Dalam kes di mana suami telah menalak isterinya sebanyak 2 kali (sekaligus atau 2 kali cerai dengan satu talak pada setiap kali), ia masih boleh menikahi isterinya semula. Akan tetapi, seandainya talak telah dijatuhkan sebanyak 3 kali, maka perempuan itu tidak lagi halal dinikahi oleh bekas suaminya kecuali melalui beberapa syarat tertentu (Hassan Salleh, 1989: 213).

Di kalangan responden, ada suami yang menjatuhkan satu, dua dan tiga talak dalam sekali lafaz. Distribusi ini dapat dilihat dalam Jadual 2.4 di bawah.

Jadual 2.4: Bilangan Talak

Bilangan Talak	Frekuensi	Peratus
1	188	90.8
2	3	1.4
3	16	7.7
JUMLAH	207	100.0

Missing Value: 3

Dalam jadual di atas didapati bahawa dalam 90.8% kes, talak yang dijatuhkan ialah satu talak sahaja. Walau bagaimanapun, ada juga suami yang menjatuhkan 3 talak sekaligus dalam satu lafaz. Memandangkan tindakan ini akan menimbulkan kesulitan di masa hadapan seandainya pasangan tersebut ingin bersama semula, maka dalam Undang-Undang Keluarga Islam 1984, ada peruntukan yang menyatakan bahawa talak 3 hanya dianggap satu talak sahaja (New Straits Times, 23/2/1987). Ini bermakna dengan terlaksananya undang-undang tersebut, kejadian menjatuhkan 3 talak dalam sekali lafaz tidak lagi diterima sebagai menjatuhkan 3 talak sebaliknya ia menjatuhkan satu talak sahaja.

2.6 Bilangan Anak

Melihat kepada bilangan anak yang dimiliki oleh pasangan-pasangan tersebut didapati bahawa mereka mempunyai anak di antara seorang hingga 8 orang. Distribusi bilangan anak para responden dapat dilihat dalam Jadual 2.5.

Dari Jadual 2.5 didapati bahawa orang yang belum mempunyai anaklah yang paling ramai bercerai. Ini boleh dilihat dari beberapa sudut. Pertama, mereka bercerai kerana tiada anak. Kedua, oleh kerana mereka tiada anak, jadi keputusan untuk bercerai lebih mudah diambil kerana masa depan anak-anak tidak perlu dipertimbangkan. Ini disokong oleh data berikut di mana perceraian adalah tinggi di kalangan mereka yang mempunyai bilangan anak yang kecil dan bilangan perceraian semakin berkurang bila bilangan anak semakin ramai. Selain dari itu, purata bilangan anak di kalangan responden

adalah kecil iaitu 2.5 orang. Ini menunjukkan bahawa pasangan suami isteri yang bercerai adalah mereka yang tiada anak atau yang tidak mempunyai ramai anak. Jadi, bolehlah dikatakan bahawa faktor anak ada kaitannya dengan kejadian perceraian. Ini disokong oleh Paul Jacobson dalam penemuannya di mana dia menyimpulkan bahawa kecenderungan bercerai ada kaitannya dengan faktor ketiadaan anak (Tai, 1975: 61). Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan ada kemungkinan bahawa bagi pasangan yang tiada anak atau mempunyai bilangan anak yang kecil ini adalah disebabkan oleh tempoh nikah mereka yang singkat.

Jadual 2.5: Bilangan Anak

Bilangan Anak	Frekuensi	Peratus
Tiada Anak	103	49.0
1	42	20.0
2	28	13.3
3	9	4.3
4	13	6.2
5	8	3.8
6	3	1.4
7	3	1.4
8	1	0.5
JUMLAH	210	100.0

2.7 Umur Anak Yang Bongsu

Jika dilihat kepada umur anak yang bongsu dalam perkahwinan ini didapati bahawa para responden mempunyai anak bongsu yang masih bayi, yang sudah besar dan yang sudah mendirikan rumah tangga. Ini ditunjukkan oleh Jadual 2.6 di bawah.

Jadual 2.6: Umur Anak Yang Bongsu

Umur (Bulan)	Frekuensi	Peratus
1 - 12	35	37.2
13 - 24	24	25.5
25 - 36	11	11.7
37 - 48	4	4.3
49 - 60	5	5.3
61 - 72	2	2.2
> 72	13	13.3
JUMLAH	94	100.0

Tiada Anak : 103

Missing Value: 13

Dari jadual di atas didapati bahawa kebanyakan penceraian yang berlaku adalah di kalangan mereka yang mempunyai anak bongsu yang masih kecil iaitu yang berumur kurang dari setahun hingga 3 tahun. Walaupun umur anak begitu muda ini ada kaitannya dengan tempoh nikah yang singkat, tetapi ia juga menunjukkan bahawa sama ada anak mereka kecil atau besar, mereka tetap akan bercerai jika keputusan itu telah diambil.

2.8 Poligini

Poligami atau lebih tepatnya poligini merujuk kepada keadaan di mana seorang lelaki berkahwin dengan beberapa orang wanita dalam satu waktu (Abdullah Taib, 1985: 131). Dari keseluruhan kes yang dikaji, 21.4% dari suami mengamalkan poligini. Ini dapat dilihat dalam Jadual 2.7 di bawah.

Jadual 2.7: Poligini

Poligini	Frekuensi	Peratus
Ya	45	21.4
Tidak	164	78.1
Tidak dinyatakan	1	0.5
JUMLAH	210	100.0

2.9 Siapa Yang Berkehendakkan Perceraian

Dari keseluruhan kes, kebanyakan perceraian berlaku atas kehendak bersama iaitu 126 kes atau 60.0%. Ini diikuti oleh 26.7% perceraian yang berlaku atas kehendak isteri, manakala suamilah yang paling kurang berkehendakkan perceraian. Ini dapat dilihat dalam Jadual 2.8.

Jadual 2.8: Siapa Yang Berkehendakkan Perceraian

Kehendak	Frekuensi	Peratus
Isteri	56	26.7
Suami	27	12.8
Bersama	126	60.0
Tidak dinyatakan	1	0.5
JUMLAH	210	100.0

2.10 Perkahwinan dan Perceraian Yang "Habitual"

Dalam kajian ini, saya dapat kemungkinan berlakunya amalan perkahwinan dan perceraian yang "habitual" di kawasan ini. Ini merujuk kepada lelaki yang berkahwin dan bercerai dalam tempoh yang singkat dan ini berlaku berulang kali hingga ia menjadi satu kebiasaan kepada lelaki tersebut. Keadaan ini sudah tentulah meninggikan kadar perceraian di sesuatu tempat.

Indeks yang digunakan untuk menunjukkan pola ini ialah suami yang menceraikan isterinya setelah berkahwin dalam tempoh yang singkat iaitu kurang dari setahun dan di masa itu ia sudahpun mempunyai dan menceraikan lebih dari seorang isteri.

Jadual 2.9 adalah jadual silang tempoh nikah dengan bilangan isteri yang pernah dimiliki oleh lelaki tersebut. Bilangan isteri yang minimum ialah seorang manakala bilangan isteri yang maksimum (yang pernah dikahwini) ialah 15 orang. Untuk menunjukkan amalan perkahwinan dan perceraian yang habitual ini, kolumn 2, 3, 4 dan 5

adalah relevan manakala baris yang relevan ialah baris yang pertama. Fenomena ini agak ketara pada 3 tempat iaitu pada baris satu kolumn 2, baris satu kolumn 3 dan baris 2 kolumn 2.

Jadual 2.9: Jadual Silang Tempoh Nikah Dengan Bilangan Isteri

Tempoh Nikah (Bulan)	Bilangan Isteri (Orang)				
	1 N = 67	2 - 4 N = 81	5 - 7 N = 27	8 - 10 N = 4	> 10 N = 7
1 - 12	32.8%	38.3%	33.3%	-	14.3%
13 - 72	38.8	33.3	14.8	25.0	42.9
73 - 144	16.4	13.6	37.0	-	28.6
145 - 216	4.5	3.7	3.7	25.0	-
217 - 288	4.5	3.7	-	50.0	14.3
289 - 360	-	2.5	3.7	-	-
361 - 432	-	1.2	7.4	-	-
433 - 501	1.5	1.2	-	-	-
502 - 576	1.5	2.5	-	-	-
JUMLAH	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

Di tempat yang pertama terdapat 38.3% kes di mana suami menceraikan isterinya dalam tempoh kurang dari setahun berkahwin dan di masa itu ia sudah berkahwin 2, 3 atau 4 kali. Di tempat kedua, 33.3% kes di mana suami menceraikan isterinya dalam usia perkahwinan kurang dari setahun dan di waktu itu ia pernah berkahwin 5, 6 atau 7 kali. Akhir sekali, 33.3% kes di mana suami menceraikan isterinya setelah berkahwin selama satu hingga 6 tahun dan di masa itu ia sudah

mempunyai 2, 3 atau 4 orang isteri. Dari sini, wujud kemungkinan bahawa berlakunya perkahwinan dan perceraian yang "habitual". Ini dapat dilihat di beberapa tempat lain dalam Jadual 2.9. Oleh kerana saya kekurangan data dari segi umur responden, pembuktian fenomena ini agak sukar dibuat. Akan tetapi seandainya data umur itu ada, maka ia sudah tentu dapat menguatkan lagi penemuan ini.

Pada pendapat saya ada dua sebab mengapa berlakunya fenomena ini. Pertama dan yang paling penting ialah kerana di waktu itu perceraian mudah berlaku, di mana melalui lafaz dari suami maka talak boleh jatuh. Akan tetapi, dengan perlaksanaan Undang-Undang Keluarga Islam 1984, di mana setiap perceraian mestilah melalui mahkamah, maka saya pasti fenomena ini dapat dikurangkan walaupun tidak dapat dihapuskan. Sebab yang kedua ialah belanja nikah yang murah di kawasan tersebut menyebabkan perkahwinan mudah dilakukan (Rujuk 2.4). Judith Djamour juga menyenaraikan dua sebab ini sebagai sebab yang meninggikan kadar perceraian di kalangan orang Melayu (Islam) (Dipetik dari Raja Rohana Raja Mamat, 1991: 86).

2.11 Kesimpulan

Dari apa yang dibincangkan di atas didapati bahawa terdapat beberapa pola perceraian yang jelas. Di antaranya ialah perceraian lebih kerap berlaku di kalangan pasangan yang baru berkahwin, di kalangan pasangan yang berasal dari kampung yang berlainan dan di kalangan pasangan yang belum mempunyai anak. Selain dari itu, ada kemungkinan berlakunya amalan perkahwinan dan perceraian yang "habitual".

BAB III

SEBAB-SEBAB PERCERAIAN

Pengenalan

Dalam bab ini, saya akan membuat satu analisis terhadap sebab-sebab perceraian berlaku. Melalui analisis ini diharap dapat dibuktikan bahawa perceraian bukanlah disebabkan oleh satu faktor sahaja tetapi ia dipengaruhi oleh berbagai faktor.

3.1 Sebab-Sebab Perceraian

Para pasangan memberikan berbagai sebab mengapa mereka bercerai. Sebab-sebab ini dapat dilihat dalam Jadual 3.1 di bawah.

Jadual 3.1: Sebab-Sebab Perceraian

Sebab-Sebab	Frekuensi	Peratus
Tidak sesuai	143	68.4
Isteri tidak suka bermadu	22	10.5
Sedikit pertelingkahan	18	8.6
Tidak mahu ikut suami	5	2.4
Suami tua/sakit	3	1.4
Masalah dengan mertua	3	1.4
Cemburu	3	1.4
Lain-lain	12	5.7
JUMLAH	209	100.0

Missing Value: 1

Dalam Jadual 3.1, sebab lain-lain merujuk kepada:-

- (i) Tidak siuman
- (ii) Masalah dengan anak tiri
- (iii) Isteri terlalu banyak berleter
- (iv) Kekurangan nafkah
- (v) Masalah dengan anak
- (vi) Isteri curang
- (vii) Isteri hendak belajar di 'pondok'
- (viii) Isteri selalu tinggalkan rumah
- (ix) Sampai masa (takdir)
- (x) Politik iaitu suami isteri berlainan parti

3.2 Tidak Sesuai

Tidak sesuai merujuk kepada perceraian yang berlaku kerana suami isteri itu merasakan tiada penyesuaian antara mereka. Dari Jadual 3.1, kita dapati bahawa 68.4% dari mereka yang bercerai memberikan sebab ini.

Jika dikaitkan sebab tidak sesuai dengan tempoh nikah seperti dalam Jadual 3.2a, didapati bahawa kebanyakan dari mereka yang bercerai kerana tidak sesuai adalah pasangan yang telah berkahwin selama kurang dari 12 tahun. Dari sini bolehlah diandaikan bahawa mereka yang bercerai dengan alasan tidak sesuai ialah pasangan yang agak baru berkahwin. Ketidaksesuaian ini mungkin disebabkan oleh dalam jangkamasa ini, proses penyesuaian antara suami dan isteri masih di peringkat awal lagi. Jadi, penyesuaian yang sepenuhnya

Jadual 3.2a: Sebab Dengan Tempoh Nikah

Sebab	Tempoh Nikah (Bulan)	1-12	13-72	73-144	145-216	217-288	289-360	361-432	433-501	502-576
		(N=62)	(N=61)	(N=34)	(N=8)	(N=9)	(N=3)	(N=3)	(N=2)	(N=3)
Tidak sesuai		72.6%	78.7%	70.6%	25.0%	55.6%	33.3%	66.7%	50.0%	-
Isteri tidak suka bermadu		12.9	4.9	8.8	12.5	22.2	-	33.3	-	-
Sedikit pertelingkahan		4.8	3.3	11.8	25.0	11.1	33.3	-	-	66.7
Tidak mahu ikut suami		1.6	1.6	2.9	12.5	-	-	-	-	-
Suami tua atau sakit		1.6	1.6	-	12.5	-	-	-	-	-
Masalah dengan mertua		1.6	3.3	-	-	-	-	-	-	-
Cemburu		1.6	1.6	2.9	-	-	-	-	-	-
Lain-lain		3.2	4.9	2.9	12.5	11.1	33.3	-	50.0	33.3
JUMLAH		100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

Missing Observation: 25

Cramer's V = 0.22352

belum berlaku. Semakin lama tempoh perkahwinan, semakin tinggi kadar penyesuaian antara suami dan isteri. Ini disokong oleh Jadual 3.2a di mana didapati bahawa semakin lama usia perkahwinan peratus mereka yang bercerai kerana tidak sesuai juga berkurangan dan tiada langsung perceraian kerana tidak sesuai di kalangan mereka yang telah berkahwin lebih daripada 40 tahun. Jadi, bolehlah disimpulkan bahawa tidak sesuai adalah sebab perceraian yang utama di kalangan mereka yang usia perkahwinannya kurang dari 12 tahun.

Jika dikaitkan sebab tidak sesuai dengan kampung asal pasangan (Jadual 3.2b) didapati bahawa peratus perceraian yang tinggi akibat tidak sesuai adalah di kalangan mereka yang berasal dari kampung dan negeri lain. Dari peratus yang tinggi ini, bolehlah diandaikan bahawa penyesuaian lebih sukar berlaku bila pasangan berasal dari kampung dan negeri yang berlainan. Kesukaran ini mungkin disebabkan oleh hakikat bahawa pasangan dari kampung dan negeri yang berlainan bukan sahaja terpaksa membuat penyesuaian dari segi sifat mereka sebagai individu tetapi juga terpaksa menyesuaikan diri dengan persekitaran yang baru kerana salah seorang dari mereka biasanya terpaksa berpindah ke tempat pihak yang satu lagi.

Jadual 3.2b: Sebab Dengan Kampung Asal Pasangan

Kampung Asal Sebab	Satu Kampung (N = 57)	Kampung Lain (N = 109)	Daerah Lain (N = 9)	Negeri Lain (N = 34)
Tidak sesuai	59.6%	73.4%	55.6%	70.6%
Isteri tidak suka bermadu	12.3	10.1	22.2	5.9
Sedikit Pertelingkahan	15.8	5.8	-	8.8
Tidak mahu ikut suami	1.9	0.9	11.1	5.9
Suami tua atau sakit	-	2.8	-	-
Masalah dengan mertua	-	2.8	-	-
Cemburu	1.8	1.8	-	-
Lain-lain	8.8	2.8	11.1	8.8
JUMLAH	100.0	100.0	100.0	100.0

Missing Observation: 1

Cramer's V = 0.19695

Dari Jadual 3.2c pula, didapati bahawa kebanyakan dari pasangan yang bercerai kerana tidak sesuai bukanlah melibatkan lelaki pengamal poligini. Dari sini dapatlah disimpulkan bahawa poligini tidak mempunyai kaitan yang kuat dengan perceraian yang disebabkan oleh ketidaksesuaian.

Jadual 3.2c: Sebab Dengan Poligini

Sebab	Poligini Ya (N = 44)	Tidak (N = 164)
Tidak sesuai	36.4%	76.8%
Isteri tidak suka bermadu	45.5	1.2
Sedikit pertelingkahan	9.1	8.5
Tidak mahu ikut suami	-	3.0
Suami tua atau sakit	-	1.8
Masalah dengan mertua	-	1.8
Cemburu	-	1.8
Lain-lain	9.1	4.9
JUMLAH	100.0	100.0

Missing Observation: 2

Cramer's V: 0.60977

Jika dikaitkan sebab tidak sesuai dengan bilangan anak, didapati bahawa kaitannya bergantung kepada bilangan anak yang dimiliki oleh pasangan tersebut. Kaitan ini amat ketara di kalangan mereka yang tiada anak, di mana dalam Jadual 3.2d didapati bahawa ramai di kalangan mereka yang bercerai kerana tidak sesuai, tidak mempunyai anak. Semakin lama usia perkahwinan, semakin tinggi peratusan mereka yang bercerai kerana tidak sesuai, tidak mempunyai anak. Jadi, bolehlah dikatakan bahawa ketidaksesuaian adalah berpunca dari ketiadaan anak. Dari Jadual 3.2d bolehlah diandaikan bahawa mereka yang telah berkahwin selama lebih dari 18 tahun dan masih

Jadual 3.2d: Sebab Dengan Tempoh Nikah Bagi Mereka Yang Tiada Anak

Sebab	Tempoh Nikah (Bulan)	1-12	13-72	73-144	145-216	217-288	289-360	361-432	433-501	502-576
		(N=56)	(N=22)	(N=9)	(N=2)	(N=2)	(N=1)	(N=1)	(N=1)	(N=0)
Tidak sesuai		75.0%	73.3%	66.7%	-	100.0%	-	100.0%	100.0%	-
Isteri tidak suka bermadu		14.3	4.5	11.1	-	-	-	-	-	-
Sedikit pertelingkahan		3.6	4.5	11.1	50.0	-	100.0	-	-	-
Tidak mahu ikut suami		1.8	-	-	-	-	-	-	-	-
Suami tua atau sakit		-	4.5	-	-	-	-	-	-	-
Masalah dengan mertua		-	-	-	-	-	-	-	-	-
Cemburu		1.8	4.5	11.1	-	-	-	-	-	-
Lain-lain		3.6	4.5	-	50.0	-	-	-	-	-
JUMLAH		100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	-

Cramer's V = 0.27582

tidak mempunyai anak, cenderung untuk memberikan tidak sesuai sebagai alasan perceraian.

Dalam Jadual 3.2e pula didapati bahawa ada responden yang memberikan sebab tidak sesuai sebagai alasan perceraian walaupun mereka telah mempunyai satu atau dua orang anak. Dari sini bolehlah disimpulkan bahawa mereka yang mempunyai bilangan anak yang sedikit lebih cenderung untuk bercerai atas alasan tidak sesuai berbanding dengan mereka yang mempunyai anak yang ramai.

3.3 Isteri Tidak Suka Bermadu

Isteri tidak suka bermadu bererti perceraian berlaku kerana isteri dapat tahu suaminya berkahwin lain dan dia tidak bersetuju dengan tindakan ini lalu mengambil keputusan untuk bercerai. Dalam kajian ini, bagi mereka yang tidak suka bermadu, 63.6% perceraian adalah atas kehendak bersama manakala bakinya adalah atas kehendak isteri. Dalam Jadual 3.1, 10.5% dari perceraian berlaku atas alasan isteri tidak suka bermadu.

Dari Jadual 3.2a dapat dilihat perbezaan peratus yang ketara antara mereka yang bercerai kerana tidak suka bermadu yang telah berkahwin kurang dari setahun dengan yang sudah berkahwin antara 1 - 6 tahun, iaitu 12.9% dan 4.9% masing-masing. Jadual itu menunjukkan bahawa isteri yang telah berkahwin kurang dari setahun lebih cenderung untuk meminta cerai kerana tidak suka bermadu berbanding dengan isteri yang telah berkahwin antara 1 - 6 tahun. Jadual itu juga menunjukkan bahawa wanita yang tidak suka bermadu dan telah berkahwin lebih dari 30 tahun, mempunyai peratus perceraian yang tinggi iaitu 33.3%.

Jadual 3.2e: Sebab Dengan Tempoh Nikah Bagi Mereka Yang Mempunyai 1 - 2 Orang Anak

Sebab	Tempoh Nikah (Bulan)	1-12	13-72	73-144	145-216	217-288	289-360	361-432	433-501	502-576
		(N=6)	(N=34)	(N=11)	(N=3)	(N=3)	(N=2)	(N=1)	(N=0)	(N=1)
Tidak sesuai		50.0%	82.4%	81.8%	33.3%	33.3%	50.0%	-	-	-
Isteri tidak suka bermadu		-	5.9	9.1	-	33.3	-	100.0	-	-
Sedikit pertelingkahan		16.7	-	9.1	-	-	-	-	-	100.0
Tidak mahu ikut suami		-	2.9	-	33.3	-	-	-	-	-
Suami tua atau sakit		16.7	-	-	33.3	-	-	-	-	-
Masalah dengan mertua		16.7	5.9	-	-	-	-	-	-	-
Cemburu		-	-	-	-	-	-	-	-	-
Lain-lain		-	2.9	-	-	33.3	50.0	-	-	-
JUMLAH		100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	-	100.0

Cramer's V = 0.46741

Dari sini, bolehlah diandaikan bahawa wanita yang lebih cenderung untuk meminta cerai kerana tidak suka bermadu adalah wanita yang telah berkahwin kurang dari setahun atau lebih dari 30 tahun.

Dalam Jadual 3.2c, didapati bahawa bagi lelaki yang mengamalkan poligini, 45.5% perceraian yang berlaku adalah kerana isteri tidak suka bermadu. Dari sini juga bolehlah dikatakan bahawa amalan poligini ini tidak disambut baik oleh isteri-isteri di daerah tersebut.

Dalam Jadual 3.2d, didapati bahawa mereka yang bercerai kerana tidak suka bermadu adalah mereka yang masih belum mempunyai anak. Ini mungkin disebabkan tempoh nikah mereka yang agak singkat iaitu kurang dari 12 tahun. Faktor ketiadaan anak ini mungkin merupakan sebab mengapa suami ingin berkahwin lain iaitu untuk mendapatkan zuriat. Akan tetapi, tindakan ini tidak disetujui oleh isteri mereka lalu meminta cerai. Bagi isteri-isteri ini, perceraian adalah keputusan yang lebih mudah untuk diambil memandangkan masa depan anak-anak tidak perlu diambil kira.

Jadual 3.2e menunjukkan bahawa semakin lama tempoh nikah dan semakin ramai anak, semakin tinggi peratus isteri meminta cerai kerana tidak suka bermadu. Dari sini bolehlah disimpulkan bahawa tempoh perkahwinan yang lama dan bilangan anak yang ramai menyebabkan isteri yang tidak suka bermadu lebih cenderung untuk meminta cerai. Ini menunjukkan bantahan isteri kepada tindakan suaminya kerana bagi mereka tiada sebab mengapa suami mesti berkahwin lain sedangkan isteri yang ada itu sudah dapat memberikan suami mereka anak yang ramai dan

dapat menjaga rumah tangga dengan baik sehingga ia dapat bertahan selama berpuluhan-puluhan tahun.

3.4 Sedikit Pertelingkahan

Sebab ini merujuk kepada timbulnya sesuatu masalah yang serius yang membawa kepada pertelingkahan itu dan ia tidak dapat diselesaikan lalu pasangan mengambil keputusan untuk bercerai. Dalam Jadual 3.1, 8.6% dari perceraian yang berlaku berpunca dari masalah ini.

Bila mengaitkan faktor ini dengan tempoh perkahwinan seperti dalam Jadual 3.2a didapati bahawa pertelingkahan yang tidak dapat diselesaikan ini lebih kerap melanda mereka yang telah lama berkahwin. Ia amat ketara di kalangan mereka yang sudah berkahwin lebih dari 40 tahun iaitu 66.7%. Ini menunjukkan bahawa usia perkahwinan yang sudah lama masih belum dapat menjanjikan bahawa pasangan itu dapat menyelesaikan segala masalah yang timbul dengan sebaik-baiknya.

Melihat kepada kampung asal pasangan pula (Jadual 3.2b), didapati bahawa pertelingkahan yang tidak dapat diselesaikan ini lebih kerap menjadi punca utama perceraian di kalangan mereka yang berasal dari satu kampung. Ini mungkin kerana bagi pasangan ini, bila mereka menghadapi masalah, mereka lebih cenderung untuk menceritakan masalah itu kepada ibubapa dan keluarga mereka yang menetap di tempat yang sama. Walaupun tidak dapat dinafikan bahawa dengan cara ini masalah boleh diselesaikan, namun bagi masalah yang melibatkan keburukan suami atau isteri, ibubapa akan campurtangan

untuk menyebelahi anak mereka. Ini menyebabkan masalah menjadi lebih serius dan jika tiada jalan keluar yang lain, pasangan tersebut akan mengambil keputusan untuk bercerai sahaja.

Jadual 3.2c menunjukkan bahawa peratus perceraian mereka yang mengamalkan poligini kerana sedikit pertelingkahan adalah lebih sedikit daripada mereka yang tidak mengamalkannya. Ini mungkin kerana poligini itu sendiri yang menjadi punca pertelingkahan antara suami isteri sehingga mengakibatkan perceraian.

Dalam Jadual 3.2d, sedikit pertelingkahan sering menjadi alasan bagi mereka yang tiada anak. Ini amat ketara di kalangan mereka yang sudah berkahwin di antara 24 - 30 tahun di mana 100% mereka yang bercerai kerana sedikit pertelingkahan tidak mempunyai anak. Jadi, bolehlah diandaikan bahawa ketiadaan anak menjadi punca pertelingkahan tersebut.

3.5 Tidak Mahu Ikut Suami

Tempat isteri adalah di sisi suaminya. Pada kebiasaannya, isteri akan turut berpindah jika suaminya berpindah walaupun dalam kes-kes tertentu ada pasangan suami isteri yang tinggal berjauhan kerana bertugas dan sebagainya. Dalam keadaan ini, wujud tolak-ansur antara suami dan isteri di mana suami merelakan isterinya untuk tidak turut berpindah. Sekiranya tiada tolak-ansur, maka perceraian mungkin berlaku.

Dalam Jadual 3.1, 2.4% perceraian berlaku kerana isteri enggan mengikut suaminya berpindah. Jika faktor ini dikaitkan dengan

tempoh nikah (Jadual 3.2a), didapati bahawa perceraian kerana tidak mahu ikut suami hanya banyak berlaku di kalangan mereka yang berkahwin di antara 1 - 216 bulan sahaja. Peratus tertinggi ialah di kalangan mereka yang telah berumahtangga antara 12 - 18 tahun. Maka bolehlah diandaikan bahawa usia perkahwinan yang kurang dari 18 tahun masih tidak dapat mempengaruhi isteri untuk mematuhi suaminya.

Jika dikaitkan sebab tidak mahu ikut suami dengan kampung asal pasangan (Jadual 3.2b), didapati bahawa sebab ini lebih menyebabkan perceraian di kalangan mereka yang berasal dari daerah dan negeri yang berlainan. Keengganan isteri mengikuti suaminya mungkin disebabkan ia tidak mahu berpisah dengan keluarga asalnya. Ini adalah satu penemuan yang agak mengejutkan kerana pasangan ini sepatutnya telah memikirkan masalah ini sebelum mereka berkahwin.

Dalam kajian ini didapati bahawa mereka yang bercerai kerana tidak mahu mengikut suami adalah mereka yang tiada anak atau mempunyai kurang dari 5 orang anak. Dari sini bolehlah disimpulkan bahawa mereka yang bercerai kerana tidak mahu mengikut suami adalah mereka yang mempunyai 4 orang anak dan kurang. Sebaliknya kajian ini juga merunjukkan bahawa pasangan yang mempunyai lebih dari 4 orang anak, isteri mereka lebih cenderung untuk patuh mengikut suami berpindah. Ini mungkin kerana anak yang ramai menguatkan ikatan sesebuah perkahwinan dan tambahan pula jika perceraian berlaku di kalangan mereka, masa depan anak-anak yang ramai itu tidak akan terjamin.

3.6 Suami Tua Atau Sakit

Sebab ini merujuk kepada isteri yang meminta cerai kerana tidak lagi sanggup untuk hidup dengan suaminya yang tua atau sakit. Dalam Jadual 3.1, 1.4% dari perceraian yang berlaku adalah disebabkan oleh faktor ini.

Jika dikaitkan faktor ini dengan tempoh nikah (Jadual 3.2a), didapati bahawa mereka yang bercerai kerana suami tua atau sakit adalah pasangan yang berkahwin kurang dari 6 tahun dan antara 12 hingga 18 tahun. Bagi mereka yang baru berkahwin, keputusan mereka untuk bercerai ini boleh difahami kerana jangka waktu perkahwinan masih awal dan suami yang tua atau sakit tidak dapat memberikan mereka apa yang sepatutnya mereka perolehi dari sesbuah perkahwinan, nafkah zahir, nafkah batin dan anak, misalnya. Akan tetapi, bagi mereka yang sudah berkahwin antara 12 hingga 18 tahun dan masih menuntut cerai dari suami kerana suami tua atau sakit adalah sesuatu yang sukar untuk dipercayai kerana tempoh nikah yang lama itu sepatutnya sudah dapat menanamkan perasaan kasih-sayang yang kuat antara suami dan isteri yang menyebabkan keduanya sanggup menghadapi apa sahaja keadaan bersama-sama. Dari sini terbukti bahawa tempoh yang kurang dari 18 tahun masih tidak dapat menjamin bahawa isteri akan terus berada di sisi suaminya.

Jika dikaitkan dengan anak (Jadual 3.2d), didapati 1.8% yang bercerai kerana suami tua atau sakit, tidak mempunyai anak. Ini menyokong pendapat awal yang menyatakan isteri yang baru berkahwin menuntut cerai adalah kerana suami tidak mampu memberikannya anak.

Jadual 3.2e pula menunjukkan bahawa ada yang bercerai kerana suami tua atau sakit walaupun sudah mempunyai satu atau dua orang anak. Perceraian mungkin berlaku kerana isteri memikirkan masa depan anak-anaknya memandangkan suaminya yang tua atau sakit itu. Mungkin juga isteri-isteri tersebut menginginkan anak yang lebih ramai. Oleh sebab itu, ia meminta cerai dengan harapan mendapat jodoh yang lain bagi mencapai keinginan-keinginannya itu. Jadi, bolehlah diandaikan bahawa mereka yang bercerai kerana suami tua atau sakit adalah pasangan yang mempunyai anak yang sikit iaitu kurang dari 2 orang atau tiada anak langsung.

3.7 Masalah Dengan Mertua

Terdapat 3 kes di mana perceraian berlaku disebabkan masalah dengan mertua. Dalam ketiga-tiga kes ini, perceraian berlaku atas kehendak isteri.

Jika dikaitkan dengan tempoh nikah (Jadual 3.2a), perceraian yang disebabkan masalah dengan mertua berlaku di kalangan mereka yang telah mendirikan rumah tangga kurang dari 6 tahun. Dari sini, bolehlah diandaikan bahawa 6 tahun adalah satu jangkamasa yang singkat menyebabkan isteri dan mertua tidak dapat menyesuaikan diri. Ketidaksesuaian antara keduanya mungkin menyebabkan berlakunya konflik dan jika ia mencapai ke tahap yang serius dan isteri tidak lagi dapat bertahan maka berlakulah perceraian antara suami dan isteri itu. Jadi, bolehlah dikatakan bahawa tempoh perkahwinan yang singkat mengurangkan penyesuaian antara isteri dan ibu mertua.

Jika dikaitkan faktor masalah dengan mertua dengan kampung asal pasangan (Jadual 3.2b), didapati bahawa dalam ketiga-tiga kes, pasangan itu berasal dari kampung yang berlainan. Jadi, dari sini bolehlah diandaikan bahawa kampung asal yang berlainan menyukarkan proses penyesuaian antara isteri dan ibu mertua. Faktor ini, ditambah dengan tempoh nikah yang singkat menyebabkan konflik sering berlaku antara keduanya dan berkemungkinan mengakibatkan perceraian.

Dalam Jadual 3.2d, didapati bahawa tiada kes perceraian yang berlaku kerana masalah dengan mertua bagi pasangan yang yang tiada anak. Dari sini dapatlah disimpulkan bahawa ketiadaan anak bukanlah menjadi punca masalah antara isteri dengan mertua sebaliknya ia disebabkan oleh faktor-faktor yang lain.

3.8 Cemburu

'Cemburu tandanya sayang'. Begitulah pepatah yang sering kita dengar tentang cemburu. Namun, cemburu yang keterlaluan boleh merosakkan sesuatu hubungan hatta ikatan perkahwinan sekalipun. Dalam Jadual 3.1 didapati bahawa 1.4% dari perceraian yang berlaku berpunca dari perasaan cemburu.

Jika dikaitkan faktor cemburu dengan tempoh perkahwinan (Jadual 3.2a), didapati bahawa mereka yang bercerai kerana cemburu adalah pasangan yang telah berumahtangga kurang dari 12 tahun. Perasaan cemburu di kalangan pasangan yang baru berkahwin dapat difahami kerana perasaan 'insecure' masih menghantui pasangan tersebut. Semakin lama berkahwin sepatutnya perasaan ini dapat dihapuskan, bukan kerana tidak sayang lagi tetapi atas dasar

kepercayaan kepada pasangan masing-masing. Jadual 3.2a menunjukkan bahawa perkara ini tidak berlaku kerana walaupun sudah berkahwin selama 12 tahun, pasangan itu tetap dihantui oleh perasaan cemburu yang keterlaluan sehingga membawa kepada perceraian.

Melihat kepada cemburu dan poligini (Jadual 3.2a), didapati bahawa perceraian yang disebabkan oleh cemburu tidak melanda pasangan yang suaminya berpoligini. Ini agak mengejutkan kerana perkahwinan di mana suami berpoligini, si isteri lebih berlaku untuk cemburu terhadap suaminya. Tetapi hal ini tidak berlaku. Jadi, ini menunjukkan bahawa perceraian akibat cemburu hanya melanda mereka yang mengamalkan monogami. Ini juga bererti bahawa pasangan yang bercerai kerana si suami berpoligini tidak disebabkan oleh cemburu.

Dalam Jadual 3.2d dan 3.2e, didapati bahawa perasaan cemburu yang keterlaluan ini hanya melanda mereka yang tiada anak. Ini mungkin kerana isteri-isteri itu merasa 'insecure' kerana tiada anak dan takut suami berkahwin lain untuk mendapatkan zuriat. Oleh sebab itu, ia merasa amat cemburu jika suaminya didapati bergaul dengan wanita lain, misalnya. Tambah pula, tanpa anak, isteri merasakan seolah-olah tidak ada aset yang boleh mengikat atau menjamin suami untuk bersama mereka selamanya. Jadi, dapatlah disimpulkan bahawa cemburu yang keterlaluan hanya melanda pasangan yang tiada anak.

3.9 Kesimpulan

Walaupun kebanyakan perceraian berpunca dari tiada penyesuaian antara suami dan isteri tetapi faktor ini bukanlah satu-satunya faktor yang menyebabkan perceraian. Perceraian juga disebabkan oleh si isteri yang tidak suka bermadu, kerana pasangan mengalami sedikit pertelingkahan, isteri tidak mahu ikut suami, suami tua atau sakit, masalah dengan mertua, cemburu dan lain-lain. Walau bagaimanapun, dalam setiap faktor itu, berbagai aspek saling berkait antara satu sama lain. Aspek-aspek itu adalah seperti tempoh nikah, kampung asal pasangan, poligini dan bilangan anak.

Melihat kepada tempoh nikah dengan tidak sesuai, walaupun Cramer's Vnya rendah iaitu 0.22 tetapi bagi mereka yang berkahwin kurang dari 12 tahun, sebab 'tidak sesuai' mempunyai perkaitan yang agak kuat dengan tempoh nikah (Jadual 3.2a). Begitu juga perkaitan antara sebab tidak suka bermadu dengan tempoh nikah di mana tempoh nikah yang kurang dari setahun dan yang lebih dari 30 tahun mempunyai peratus perceraian yang tinggi. Sebaliknya, perceraian kerana sedikit pertelingkahan lebih kerap berlaku di kalangan mereka yang sudah lama berkahwin terutama di kalangan mereka yang telah berkahwin lebih dari 40 tahun. Perceraian kerana tidak mahu ikut suami pula terjadi di kalangan mereka yang berkahwin kurang dari 18 tahun, begitu juga dengan perceraian kerana suami tua atau sakit. Perceraian kerana masalah dengan mertua pula 100% berlaku di kalangan mereka yang berkahwin kurang dari 6 tahun, manakala perceraian kerana cemburu lebih popular di kalangan mereka yang berkahwin kurang dari

12 tahun. Kesemua di atas menunjukkan kaitan antara sebab-sebab perceraian dan tempoh nikah.

Kampung asal pasangan juga ada kaitannya dengan sebab perceraian. Sebab tidak sesuai lebih popular di kalangan mereka yang berasal dari kampung dan negeri yang berlainan. Sebab sedikit, pertelingkahan lebih kerap berlaku di kalangan mereka yang berasal dari satu kampung manakala sebab tidak mahu ikut suami pula sering menjadi punca perceraian di kalangan mereka yang berasal dari daerah dan negeri lain. Perceraian kerana masalah dengan mertua pula 100% berlaku di kalangan mereka dari kampung yang berlainan.

Poligini tiada kaitan yang kuat dengan ketidaksesuaian. Sebaliknya ia amat berpengaruh di kalangan isteri yang tidak suka bermadu. Jadual 3.2e menunjukkan 45.5% dari mereka yang mengamalkan poligini memberi sebab tidak suka bermadu sebagai alasan perceraian. Peratus mereka yang mengamalkan poligini dan bercerai kerana sedikit pertelingkahan adalah tinggi sedikit dan mereka yang mengamalkan monogami. Dari sini bolehlah disimpulkan bahawa perbezaan peratus itu disebabkan oleh poligini. Cramer's V bagi sebab dengan poligini adalah 0.61%. Ini menunjukkan bahawa poligini mempunyai kaitan yang kuat dengan sebab perceraian.

Anak juga ada kaitannya dengan sebab perceraian dan kaitan ini berbeza mengikut bilangan anak yang dimiliki oleh pasangan. Bagi mereka yang tiada anak atau mempunyai anak kurang dari 3 orang, mereka lebih cenderung memberi alasan tidak sesuai sebagai alasan perceraian. Semakin ramai bilangan anak, semakin kurang peratus

perceraian kerana tidak sesuai. Bagi mereka yang bercerai kerana sedikit pertelingkahan, kebanyakannya adalah pasangan yang tiada anak. Di kalangan mereka yang bercerai kerana tidak mahu ikut suami pula, kebanyakannya tidak mempunyai anak atau bilangan anak mereka kurang dari 5 orang. Bagi mereka yang bercerai kerana suami tua atau sakit, mereka juga tidak mempunyai anak atau bilangan anak mereka adalah kecil iaitu kurang dari 3 orang. Perceraian kerana cemburu pula 100% berlaku di kalangan mereka yang tiada anak.

Dari sini jelas bahawa sebab-sebab perceraian ada kaitannya dengan keempat-empat aspek tadi. Dari sini bolehlah disimpulkan bahawa sesuatu sebab itu tidak berdiri dengan sendiri tetapi ada aspek lain yang mempengaruhinya.

BAB IV

HAL-HAL SELEPAS PERCERAIAN

Pengenalan

Dalam bab ini, saya akan membincangkan tentang kesan-kesan perceraian dan peruntukan-peruntukan yang ada dalam Islam bagi menangani masalah-masalah ini.

4.1 Kesan-Kesan Perceraian

Walaupun perceraian adalah jalan keluar terakhir bagi sebuah rumah tangga yang berkonflik, namun pada keseluruhannya ia lebih banyak membawa kesan yang negatif kepada setiap pihak yang terlibat. Kesan-kesan ini melibatkan 4 pihak iaitu:

- (a) Suami
- (b) Isteri
- (c) Anak-anak
- (d) Keluarga kedua belah pihak

4.1.1 Kesan Terhadap Suami

Kesan terhadap suami dapat dilihat dari beberapa segi. Satu daripadanya ialah perceraian itu menyebabkan ia terpisah dari anak-anaknya jika anak-anak diletakkan dalam jagaan isteri (Zainab Jusoh, 1988: 76). Walaupun suami ada hak untuk menemui anak-anaknya tetapi apalah sangat kemesraan yang dapat dijalankan dalam masa beberapa hari sebulan atau seminggu berbanding dengan setiap hari

sebelum perceraian itu berlaku. Kemesraan bapa dan anak-anak menjadi longgar dan bapa akan merasakan kehilangan anak-anaknya.

Selain dari itu, seandainya perceraian berlaku di masa suami masih menyayangi isterinya, maka suami mungkin akan mengalami tekanan jiwa (Zainab Jusoh, 1988: 76). Di peringkat yang serius, suami boleh diserang 'gila-talak' dan melakukan apa sahaja untuk menghalang bekas isterinya dari berkahwin dengan orang lain.

Kesan lain yang mungkin timbul di kalangan suami ialah ia keberatan untuk mencari pasangan baru kerana serik dengan pengalamannya yang lalu (Azman, 1981: 129).

4.1.2 Kesan Terhadap Isteri

Oleh kerana perceraian mengharamkan persetubuhan antara lelaki dan perempuan yang dulunya suami isteri, maka kedua-dua suami dan isteri akan kehilangan nafkah batin. Selain dari itu, dari segi nafkah zahir pula, setelah tamatnya tempoh edah maka isteri tidak lagi akan ditanggung oleh suaminya dan terpaksa mencari jalan untuk menampung hidupnya sendiri. Keadaan ini sudah tentu tidak mendatangkan masalah kepada isteri yang bekerja dan bergaji besar. Tetapi bagi isteri yang selama ini menjadi suri rumah tangga sepenuh masa, nafkah zahir akan menjadi masalah yang besar kepadanya. Keadaan menjadi lebih buruk jika anak-anak berada dalam pemeliharaannya kerana walaupun ada nafkah anak yang dimestikan suami membayarnya tetapi kadangkala ini tidak dilakukan oleh suami. Jika ada sekalipun, jumlahnya seringkali tidak mencukupi. Maka si isteri terpaksa

mencari jalan untuk mendapatkan wang bagi menanggung dirinya dan anak-anaknya.

Akan tetapi, memandangkan anak-anak berada di dalam pemeliharaannya, bagaimanakah isteri itu boleh mencari kerja kerana siapakah yang bakal menjaga anak-anaknya sepeninggalannya pergi bekerja? Dari sini dapat dilihat betapa buruknya kesan perceraian kepada para isteri. Pernah berlaku satu kes (bukan melibatkan responden dalam kajian ini) di mana seorang janda ditangkap kerana melacur dan memberi alasan bahawa kegiatannya itu semata-mata untuk mencari wang bagi menanggung anak-anaknya (*Star*, 1 Jun 1987). Kita tidak tahu sejauhmanakah alasan itu dapat diterima kerana dia mungkin melacur sebagai cara untuk memuaskan nafsu akibat nafkah batin yang telah dinafikan untuknya atau dia mungkin memberi alasan anak-anak tersebut sebagai faktor peringangan hukumannya. Walau apapun, ini sudah cukup untuk menunjukkan salah satu kesan langsung yang dialami oleh isteri akibat dari perceraian yang berlaku.

Selain dari itu, para isteri yang bergelar janda ini terpaksa menghadapi isbat sosial (social sanction) atau "stigmatization" (Azman Ahmad Aziz, 1981: 129; Zainab Jusoh, 1988: 70). Ini adalah akibat dari pandangan buruk masyarakat Melayu khasnya terhadap janda. Janda seringkali dipandang serong oleh masyarakat sehingga segala yang mereka lakukan dikaitkan dengan niat-niat yang jahat semata-mata. Mungkin ada kebenarannya bahawa ada di kalangan janda-janda itu agak keterlaluan dari segi tingkahlaku mereka. Akan tetapi, sikap ini dapat difahami bila melihat kepada nafkah batin yang dinafikan kepada mereka. Mungkin juga mereka agak agresif semata-mata untuk mencari

pasangan hidup yang baru yang boleh memperbaiki masa depan mereka dan anak-anak. Namun, tidak dapat dinafikan bahawa ramai lagi di kalangan mereka itu yang pandai menjaga maruah diri. Pandangan masyarakat yang serong ini menyukarkan lagi hidup para janda yang memang sedia sukar. Ini mempengaruhi psikologi mereka menyebabkan mereka mengalami tekanan perasaan.

Selain dari itu, sama seperti lelaki yang bercerai, janda juga mungkin keberatan untuk mencari teman baru akibat pengalaman yang dialaminya (Azman Ahmad Aziz, 1981: 129).

4.1.3 Kesan Terhadap Anak-Anak

Walaupun perceraian adalah jalan keluar bagi dua insan yang tidak lagi boleh hidup bersama-sama, malangnya ia melibatkan lebih dari 2 orang tersebut. Anak-anak juga terpaksa menanggung akibat dari perceraian itu. Dalam melihat kesan perceraian kepada anak-anak, Dominian menyatakan,

"... They are deprived, through no fault of their own, of their right to feel secure and loved by the authors of their life, and are frequently manipulated or pushed to take sides with one party." (1968: 120)

Anak-anak akan merasa sedih, kehilangan kasih sayang salah seorang ibubapanya dan menghadapi tekanan perasaan dari perpisahan ini (Azman Ahmad Aziz, 1981: 129). Zainab Jusoh juga menyatakan bahawa salah satu kesan yang dialami oleh anak-anak ialah kehilangan kasih sayang (1988: 77). Ini adalah kerana anak-anak terpaksa memilih dan kadang-kadang ditentukan untuk tinggal bersama salah

seorang dari ibubapanya. Akibatnya, mereka kekurangan kasih sayang dari seorang yang lain. Kehilangan kasih sayang dari ibu atau bapa, terutamanya ibu, memberi kesan negatif terhadap anak-anak di mana ini dikaitkan dengan gangguan personaliti seperti yang ditemui oleh Bowlby dalam kajian psikiatrinya (Dipetik dari Dominian, 1968: 122).

Dalam kajian di Malmo, Sweden, didapati bahawa 6.6% dari budak lelaki yang dimasukkan ke sekolah akhlak adalah dari keluarga yang telah bercerai yang mana peratusan ini adalah empat kali lebih tinggi dari risiko yang dihadapi oleh budak lelaki dari keluarga yang tidak bercerai. Risiko bagi budak perempuan pula adalah lebih rendah dari budak lelaki tetapi ia adalah dua kali lebih tinggi dari yang dihadapi oleh budak perempuan dari keluarga yang tidak bercerai (Dominian, 1968: 123).

Di Malaysia pula, dalam kajian yang dibuat oleh Fong Yut Kuan, penemuan yang sama ditemui di mana lebih ramai delinkuen (33.0%) berasal dari rumah tangga yang hancur berbanding dengan yang bukan delinkuen (3.1%) (Fong, 1982/83: 34).

Dari sini dapatlah dikatakan bahawa kekurangan kasih sayang dari ibu atau bapa boleh membawa kepada delinkuensi di kalangan anak-anak mereka.

Selain dari itu, kekurangan kasih sayang ini boleh membawa kepada tingkah laku membunuh diri di kemudian hari. Ini dibuktikan dalam satu kajian di mana didapati bahawa mereka yang membunuh diri kebanyakannya pernah mengalami kehilangan ibu atau bapa di masa kecilnya akibat kematian atau perceraian (Dominian, 1968: 123).

4.1.4 Kesan Terhadap Keluarga Kedua Belah Pihak

Perceraian mampu mempengaruhi hubungan di antara lelaki dan perempuan dengan bekas mertua masing-masing, hubungan cucu dengan datuk dan neneknya dan hubungan sesama besan. Seandainya kedua belah pihak dapat menerima hakikat perceraian itu maka hubungan tersebut akan berjalan seperti biasa. Jika sebaliknya berlaku, hubungan itu akan dipenuhi dengan konflik dan berkemungkinan untuk putus (Azman Ahmad Aziz, 1981: 130; Zainab Jusoh, 1988: 79).

Semua kesan-kesan ini tidak terhad kepada individu sahaja tetapi juga membawa akibat yang buruk kepada masyarakat. Suami yang gila talak mungkin menyusahkan masyarakat di sekelilingnya, isteri yang tiada jalan lain untuk mendapat nafkah mungkin akan melibatkan diri dengan industri seks iaitu cara termudah untuk mendapatkan wang manakala anak-anak yang kekurangan kasih sayang mungkin melibatkan diri dengan kegiatan yang tidak sihat seperti delinquensi, penagihan najis dadah dan sebagainya. Memandangkan akibat-akibat langsung dari perceraian ini, maka langkah-langkah tertentu perlu diambil untuk mengurangkan kadar perceraian. Jika perceraian tidak dapat dielakkan, maka cara-cara untuk mengurangkan kesan-kesan perceraian terhadap setiap individu yang terlibat hendaklah dicari agar mereka dapat menangani tekanan-tekanan itu dengan sebaik-baiknya.

4.2 Peruntukan-Peruntukan Dalam Islam Bagi Mengurang Dan Mengatasi Kesan-Kesan Perceraian

Memandangkan kesan-kesan perceraian yang negatif terhadap individu dan masyarakat, maka dalam Islam ada peruntukan-peruntukan tertentu yang bertujuan untuk mengurangkan dan mengatasi masalah ini.

Di antara peruntukan-peruntukan yang ada ialah:-

- (a) Mut'ah
- (b) Nafkah edah
- (c) Harta sepencarian
- (d) Hak penjagaan anak
- (e) Nafkah anak
- (f) Rujuk
- (g) Nikah semula

4.2.1 Mut'ah

Menurut Imam Hanafi, mut'ah ialah sesuatu yang diberi oleh suami kepada isterinya selepas berlakunya perceraian antara mereka seperti pakaian atau seumpamanya untuk mengurangkan tekanan perasaan isteri (yang diceraikan) dan sebagai barang gantian kesepian isteri oleh sebab perceraian tersebut (Dipetik dari Hassan Salleh, 1989: 157).

Dari definisi yang diberi oleh Imam Hanafi di atas, kita tahu bahawa mut'ah bertujuan utnuk mengurangkan tekanan perasaan yang dialami oleh isteri akibat perceraian tersebut. Secara tidak langsung ia mengurangkan kesan perceraian ke atas isteri.

Ada beberapa pendapat yang berbeza tentang pemberian mut'ah kepada isteri yang diceraikan. Menurut Mazhab Shafie, mut'ah wajib diberi kepada bekas isteri walaupun perceraian berlaku sebelum disetubuhi (Salleh Ismail, 1988: 164) dan sebelum ditentukan maskahwinnya (Ahmad Ibrahim, 1965: 223). Ahmad Ibrahim juga menyatakan bahawa mut'ah tidak wajib dalam kes di mana maskahwin telah diberi dan

diceraikan sebelum disetubuhi dan di mana wanita itu sendiri yang minta diceraikan atau wanita itu sendiri yang menyebabkan perceraian tersebut (1965: 223-224).

Berbagai pandangan ini menyebabkan kekeliruan di kalangan masyarakat Islam. Untuk mengelakkan kekeliruan ini, sebuah jadual telah dikeluarkan bagi kegunaan seluruh Malaya iaitu "Jadual Perkara-Perkara Yang Wajib atau Tidak Ke Atas Perempuan Yang Bercerai Dengan Suaminya dan Hukum-Hukum Yang Wajib atau Tidak Ke Atas Suaminya" (Lampiran Q). Jadual ini antara lain menunjukkan hukum wajib atau tidak mut'ah ke atas isteri dalam setiap kes perceraian.

Nilai mut'ah ialah setengah dari maskahwin yang diterima semasa berkahwin dan jika suami memberi lebih dari jumlah itu maka ia dianggap sebagai derma suami kepada bekas isterinya (Salleh Ismail, 1988: 164). Mut'ah boleh diberi dalam bentuk pakaian, wang dan lain-lain yang senilai dengannya (Salleh Ismail, 1988: 164).

Memandangkan hikmah di sebalik mut'ah ini maka Akta Undang-Undang Keluarga Islam 1984 memperuntukakn bahawa isteri yang diceraikan boleh menuntut mut'ah dari suaminya melalui Mahkamah Syariah (New Straits Times, 12 Mac 1986). Sebelum mahkamah memberi kebenaran untuk bercerai, ia akan membuat keputusan berkait dengan mut'ah untuk isteri tersebut yang mana jumlah mut'ah itu bergantung kepada jangkamasa perkahwinan, status pekerjaan, sebab-sebab perceraian, kesan perceraian ke atas isteri dan sebagainya (New Straits Times, 23 Februari 1987).

Dalam kajian yang saya lakukan, tiada butir-butir tentang mut'ah dalam borang keterangan cerai tersebut. Jadi, bolehlah diandaikan bahawa mut'ah tidak diamalkan di kawasan kajian ini.

4.2.2 Nafkah Edah

Sebelum saya menerangkan dengan lebih lanjut tentang pengertian nafkah edah, saya akan jelaskan dahulu tentang pengertian edah.

Menurut Mazhab Shafie, edah merujuk kepada tempoh masa yang ditunggu oleh seseorang perempuan yang bercerai untuk menyakinkan kekosongan rahimnya dari mengandung (Hassan Salleh, 1989: 218).

Edah ini ada tujuan-tujuannya yang tersendiri iaitu:

- (a) Untuk mengelakkan percampuran benih bekas suami dan suami baru sekiranya wanita itu berkahwin lain;
- (b) Untuk memberi peluang kepada suami melakukan rujuk atas isterinya dalam masa edah; dan
- (c) Untuk melahirkan rasa dukacita atas kematian suami dan melahirkan kesetiaan kepadanya setelah menikmati hidup bersama dengannya jika perpisahan adalah disebabkan kematian suami (Salleh Ismail, 1988: 171).

Hassan Salleh (1989: 222-226) menegaskan bahawa jangkamasa edah berbeza dari seorang wanita dengan wanita yang lain. Ini dapat dilihat seperti berikut:-

- (a) Bagi wanita yang diceraikan dalam masa suci, edahnya selesai dengan haid ketiga.
- (b) Bagi wanita yang diceraikan dalam masa haid, edahnya selesai dengan masuknya haid keempat.
- (c) Bagi perempuan yang telah baligh tetapi tidak mengeluarkan haid, perempuan yang telah putus haid dan perempuan kecil yang belum didatangi haid, jangkamasa edahnya ialah 3 bulan.
- (d) Bagi wanita yang diceraikan semasa mengandung, edahnya tamat setelah beliau bersalin.
- (e) Jika kematian suami, edah tamat dengan genapnya 4 bulan 10 hari selepas kematian itu.

Nafkah adalah merujuk kepada saraan yang harus diberi oleh suami kepada isterinya semasa isteri dalam edah (Ahmad K.N., 1971: 849). Walau bagaimanapun, wanita yang kematian suami tidak berhak mendapat nafkah edah (Salleh Ismail, 1988: 164). Nafkah ini hendaklah diberi dalam bentuk makanan, pakaian dan tempat tinggal (Salleh Ismail, 1988: 186) atau dalam bentuk wang tunai yang jumlahnya meliputi perbelanjaan untuk ketiga-tiga keperluan asas itu. Jumlah nafkah edah hendaklah sama dengan jumlah nafkah yang diberi oleh suami sebelum perceraian (Ahmad Ibrahim, 1965: 224). Untuk mendapat gambaran yang lebih jelas tentang nafkah edah yang wajib atau tidak kepada isteri dalam setiap kes, sila rujuk Lampiran Q.

Dalam kajian saya didapati bahawa hanya 4.0% sahaja dari kalangan suami yang sanggup membayar nafkah edah kepada isterinya. Ini dapat dilihat dalam Jadual 4.1 di bawah.

Jadual 4.1: Jadual Kesanggupan Membayar Nafkah Edah

Kesanggupan	Frekuensi	Peratus
Ya	8	4.0
Tidak	194	96.0
JUMLAH	202	100.0

Missing Value: 8

Melihat kepada jumlah nafkah edahnya pula didapati bahawa pada keseluruhannya jumlah nafkah edah adalah kecil. Ini dapat dilihat dari Jadual 4.2. Nilai nafkah edah yang rendah ini mungkin ada kaitannya dengan pendapatan suami yang rendah kerana kebanyakan dari mereka adalah pekerja kampung. Ada juga kemungkinan bahawa nilai nafkah edah yang rendah itu bersepadanan dengan taraf hidup yang rendah di kawasan tersebut.

Nafkah edah bertujuan untuk menjaga kepentingan isteri dalam tempoh edah di mana di masa itu mereka tidak boleh berkahwin lain. Akan tetapi, ketidaksanggupan ramai suami untuk membayar nafkah ini menunjukkan nasib isteri yang diceraikan itu tidak terbela. Walaupun ada segelintir suami yang membayarnya tetapi nilainya adalah terlalu kecil. Oleh kerana perceraian berlaku melalui mahkamah keadaan ini menunjukkan bahawa mahkamah tidak mengambil berat dalam mengarahkan suami membayar nafkah edah itu. Amalan

yang sebegini menyebabkan cara-cara yang sepatutnya diamalkan untuk kepentingan umum seperti yang dianjurkan oleh Islam tidak mendatangkan hasil yang sempurna. Dari sini bolehlah disimpulkan bahawa masyarakat ini membelakangkan suruhan Islam berkait dengan perkara ini.

Jadual 4.2: Jumlah Nafkah Edah

Nafkah Edah (\$)	Frekuensi	Peratus
*0	202	96.2
20	1	0.5
50	1	0.5
>100	1	0.5
Tidak dinyatakan	5	2.3
JUMLAH	210	100.0

*0: Tidak sanggup dan tidak mengatakan sama ada sanggup atau tidak

4.2.3 Harta Sepencarian

Menurut fatwa negeri Terengganu, harta sepencarian merujuk kepada harta yang diperolehi hasil dari usaha dan pencarian bersama. Maka ia wajib dibahagi menurut kadar sumbangan tenaga masing-masing untuk mendapatkannya dengan tidak menghiraukan sama ada modalnya dikeluarkan oleh suami atau isteri (Othman Ishak, 1981: 108).

Jadi, apabila perceraian berlaku, isteri berhak mendapat bahagiannya dalam harta sepencarian tersebut. Akta Undang-Undang Keluarga Islam 1984 memperuntukkan bahawa seorang janda berhak memiliki setengah dari harta sepencarian jika ia bekerja dan jika

memberi sumbangan kepada perolehan itu. Jika ia tidak bekerja dan tidak memberi sumbangan dalam bentuk wang bagi memiliki sesuatu barang maka ia hanya berhak memiliki sepertiga daripadanya sahaja (New Straits Tiems, 23 Februari 1987). Dengan adanya peruntukan ini maka harta ini boleh digunakan oleh isteri yang diceraikan itu bagi memulakan penghidupan baru.

Walaupun isteri ada hak atas harta sepencarian namun dalam kajian ini tiada data yang menunjukkan amalan pembahagian harta sepencarian ini. Dari sini bolehlah diandaikan bahawa pembahagian harta sepencarian tidak diamalkan di daerah ini.

4.2.4 Hak Penjagaan Anak (Hadalah)

Masalah penjagaan anak sering menjadi bahan pertelingkahan bagi mereka yang bercerai. Anak-anak yang masih kecil dan tidak tahu menguruskan diri mereka perlu mendapatkan pengawasan dan jagaan dari orang lain (Mahmood Zohdi, 1989: 193). Masih kecil bererti belum dapat membezakan antara yang baik dengan yang buruk. Biasanya, kanak-kanak dianggap dapat membezakan antara yang baik dan yang buruk apabila mereka berusia 7 tahun ke atas. Pada peringkat ini, mereka digelar Mumaiyiz.

Imam Hanafi mentakrifkan hadalah sebagai mendidik kanak-kanak yang tidak dapat menguruskan dirinya sendiri menurut umur-umur tertentu oleh orang yang berhak terhadapnya, iaitu daripada kalangan keluarganya (Hassan Salleh, 1989: 237).

Mengikut Mazhab Shafie, bila ibubapa bercerai dan ibunya tidak berkahwin lain, ibu tersebut berhak menjaga anak perempuan sehingga ibu tersebut berkahwin lain manakala anak lelaki akan berada dalam jagaan ibunya sehingga ia berusia 7 tahun. Bila kanak-kanak sudah mumaiyiz, mereka boleh memilih untuk tinggal dengan mana-mana satu dari ibubapanya dengan syarat ibubapa itu tidak gila atau berkelakuan tidak senonoh dan dengan syarat si ibu tidak berkahwin lain (Ahmad Ibrahim, 1965: 235).

Para ulama berpendapat bahawa ibu yang diceraikan paling berhak untuk memelihara dan mengasuh anak-anak yang masih kecil (Mahmood Zohdi, 1987: 193). Dalam keadaan tertentu orang lain juga diberi hak untuk menjaga anak itu. Menurut Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, hak penjagaan anak ini boleh diberi kepada salah seorang dari yang berikut mengikut susunan keutamaannya:-

- (a) Nenek sebelah ibu hingga ke atas peringkatnya
- (b) Bapa
- (c) Nenek sebelah bapa hingga ke atas peringkatnya
- (d) Kakak atau adik perempuan seibu-sebapa
- (e) Kakak atau adik perempuan si ibu
- (f) Kakak atau adik perempuan si bapa
- (g) Anak perempuan dari kakak atau adik perempuan seibu-sebapa
- (h) Anak perempuan dari kakak atau adik perempuan seibu

- (i) Anak perempuan dari kakak atau adik perempuan sebapa
- (j) Emak saudara sebelah ibu
- (k) Emak saudara sebelah bapa
- (l) Waris lelaki yang boleh menjadi warisnya sebagai asabah atau residuari

Dengan adanya hak penjagaan anak yang bukan sahaja diberi kepada ibu tetapi juga kepada mana-mana pihak ibu atau bapa menyebabkan hubungan antara dua keluarga tadi tidak terputus. Salah seorang ibu atau bapa akan sentiasa menemui anak-anaknya dan melaluiinya hubungan antara bekas menantu dan bekas mertua dapat diteruskan.

Dalam kajian saya, hak penjagaan anak bukan sahaja diberi kepada ibu, tetapi juga kepada bapa dan datuk di sebelah bapa. Ini dapat dilihat dalam jadual di bawah. Dalam jadual tersebut didapati bahawa dalam majoriti kes, hak penjagaan anak diberi kepada ibu.

Jadual 4.3: Hak Penjagaan Anak

Penjaga	Frekuensi	Peratus
Ibu	84	84.0
Bapa	9	9.0
Datuk sebelah bapa	1	1.0
Bergilir-gilir antara ibubapa	1	1.0
Bilangan anak diberi kepada ibu dan bapa	5	5.0
JUMLAH	100	100.0

Missing Value: 110

4.2.5 Nafkah Anak

Nafkah anak merujuk kepada nafkah bagi membesarkan anak-anak termasuk pakaian, makanan, rawatan, perkhidmatan dan pendidikan mengikut kemampuan bapa (New Straits Times, 23 Februari 1987). Menurut Akta Undang-Undang Keluarga Islam 1984, ayah bertanggungjawab memberi nafkah kepada anaknya sehingga anak itu berusia 18 tahun. Bagi anak yang ingin melanjutkan pelajarannya, ayah bertanggungjawab menanggungnya hingga selesai. Mahkamah Syariah juga berhak mengarahkan pihak ibu memberi sumbangan dalam menanggung anak-anak jika ibu itu mampu (New Straits Times, 12 Mac 1986). Dengan adanya nafkah ini, masa depan anak-anak akan lebih terjamin walaupun ibubapanya sudah bercerai.

Dari Jadual 4.4, didapati bahawa 81.0% dari mereka yang mempunyai anak sanggup memberikan nafkah anak selepas bercerai manakala 19.0% lagi tidak sanggup memberikannya.

Jadual 4.4: Kesanggupan Membayar Nafkah Anak

Kesanggupan	Frekuensi	Peratus
Ya	77	81.0
Tidak	18	19.0
JUMLAH	95	100.0

Missing Value: 115

Telah dikatakan tadi bahawa jumlah nafkah anak ini bergantung kepada kemampuan bapa. Distribusi jumlah nafkah anak dapat dilihat dalam Jadual 4.5.

Jadual 4.5: Jumlah Nafkah Anak

Nafkah (\$)	Frekuensi	Peratus
01 - 20	11	11.6
21 - 40	11	11.6
41 - 60	8	8.4
61 - 80	2	2.1
> 80	4	4.2
Tidak dinyatakan jumlah	41	43.6
Tidak sanggup	18	19.0
JUMLAH	95	100.0

Missing Value: 115

Jadual di atas menunjukkan bahawa jumlah nafkah anak yang diberi tidaklah banyak. Ini mungkin disebabkan oleh faktor ekonomi bapa yang kebanyakannya hanya bekerja kampung. Jumlah nafkah anak yang kecil ini mungkin juga munasabah dengan kos hidup di kawasan tersebut.

4.2.6 Rujuk

Walaupun ada faktor di atas yang dapat mengurangkan tekanan perasaan dan beban yang ditanggung oleh pihak-pihak yang terlibat dalam perceraian tetapi ia tidak dapat menghapuskan segala kesan yang ada. Oleh itu, Islam memperuntukkan satu lagi cara yang boleh menghapuskan segala kesan negatif dari perceraian iaitu rujuk. Selain dari mengatasi kesan perceraian, rujuk juga menjadikan

perceraian sebagai iktibar bagi kehidupan di masa akan datang.

Menurut Mazhab Maliki, rujuk ialah pengembalian isteri yang diceraikan kepada 'ismah (pemeliharaan) suami tanpa memperbaharui akad nikah (Hassan Salleh, 1989: 233).

Bila suami telah menceraikan isterinya dengan satu atau dua talak dengan bentuk yang dibenarkan, rujuk boleh berlaku semasa edah tanpa akad nikah. Rujuk boleh dilakukan dengan menarik kembali dengan rasmi talak yang dijatuhkan atau dengan meneruskan kehidupan berumahtangga (Fyze, 1964: 149).

Dalam kajian ini didapati bahawa hanya 14.8% responden sahaja yang memanfaatkan rujuk ini sedangkan yang lain tidak. Ini dapat dilihat dalam Jadual 4.6. Dari sini bolehlah diandaikan bahawa rujuk tidak mendapat sambutan yang menggalakkan dari responden di kawasan ini.

Jadual 4.6: Bilangan Pasangan Yang Rujuk

	Frekuensi	Peratus
Rujuk	31	14.8
Nikah semula	1	0.5
Tidak rujuk	177	84.3
Tidak dinyatakan	1	0.5
JUMLAH	210	100.0

Tempoh cerai-rujuk berbeza mengikut pasangan. Ini dapat dilihat dalam Jadual 4.7 di bawah. Dalam keadaan sebenar, tempoh cerai-rujuk yang minimum ialah setengah jam.

Jadual 4.7: Tempoh Cerai-Rujuk

Tempoh (Hari)	Frekuensi	Peratus
1 - 14	10	32.3
15 - 30	9	29.0
31 - 45	5	16.1
46 - 60	3	9.7
61 - 75	3	9.7
76 - 90	1	3.2
JUMLAH	31	100.0

Missing Value: 179

Dari jadual di atas didapati bahawa 59.4% dari mereka yang bercerai, rujuk dalam masa sebulan. Ini menunjukkan bahawa keputusan yang dibuat untuk bercerai adalah keputusan yang terburu-buru kerana dalam masa yang singkat sahaja mereka menyedari kesilapan mereka lalu berbaik semula. Nasib baiklah rujuk dibenarkan dalam Islam, jika tidak sudah tentu kesilapan bercerai itu tidak diperbaiki.

4.2.7 Nikah Semula

Selain dari rujuk, Islam juga membenarkan pasangan suami isteri yang sudah bercerai untuk nikah semula. Dalam kajian ini didapati bahawa hanya satu pasangan sahaja yang nikah semula (Jadual 4.6).

Nikah semula boleh dilakukan dalam dua keadaan. Pertama, bila suami menceraikan isterinya dengan satu atau dua talak dengan bentuk-bentuk yang dibenarkan dan tempoh edah telah tamat, pasangan suami isteri yang hendak bersama kembali hendaklah diakadnikahkan semula.

Kedua, jika suami menceraikan isteri dengan 3 talak, pasangan itu boleh hidup bersama semula jika perkara-perkara berikut dilakukan:-

- (i) Isteri mestilah tunggu tempoh edahnya tamat.
- (ii) Setelah itu, ia berkahwin dengan lelaki lain.
- (iii) Perkahwinan kedua ini mestilah merupakan perkahwinan sebenar dalam ertikata mesti wujud hubungan kelamin antara pasangan suami isteri tersebut.
- (iv) Suami kedua melafazkan talak.
- (v) Isteri tunggu tamat tempoh edah dari perceraian yang kedua.
- (vi) Setelah tamat tempoh edah, barulah si isteri boleh dinikahkah semula dengan bekas suaminya yang pertama.

Jika perkahwinan kedua tidak berlaku, mereka tidak boleh bernikah semula dan anak-anak yang lahir dari perkongsian hidup selepas itu, kalau ia berlaku, dianggap sebagai anak luar nikah (Fyze, 1964: 149-150).

4.3 Kesimpulan

Perbincangan di atas jelas menunjukkan bahawa perceraian lebih banyak membawa kesan negatif berbanding dengan yang positif kepada mereka yang terlibat: Suami, isteri, anak-anak dan kedua belah keluarga. Kesan-kesan ini tidak terhenti di situ sahaja sebaliknya ia mungkin mengakibatkan masalah sosial yang serius kepada masyarakat. Untuk mengatasinya maka langkah-langkah tertentu perlu diambil agar kadar perceraian dan kesannya dapat dikurangkan.

Memandangkan kesan-kesan buruk yang diakibatkan oleh perceraian maka Islam memperuntukkan beberapa perkara bagi mengawal tekanan perasaan dan beban yang ditanggung oleh mereka yang terlibat.

Dengan adanya mut'ah, nafkah edah dan bahagian dalam harta sepencarian, maka sedikit sebanyak tekanan perasaan isteri yang diceraikan dapat dikurangkan. Apa yang diperolehi dari peruntukan-peruntukan ini dapat digunakan untuk menanggung dirinya sendiri buat sementara waktu sebelum mendapat sumber lain yang lebih tetap.

Hak penjagaan anak yang bukan sahaja diberi kepada ibu kanak-kanak itu tetapi juga kepada kedua belah keluarga dan kebenaran untuk menziarahi anak-anak yang dalam jagaan orang lain itu dapat meneruskan hubungan antara bekas menantu dengan bekas mertua, cucu dengan datuk dan neneknya dan ibu atau bapa dengan anak-anak mereka sendiri. Keadaan ini dapat mengelakkan anak-anak tersebut dari kehilangan kasih sayang dari keluarganya. Nafkah anak pula menjamin bahawa penjaga tidak dibebankan dengan anak-anak yang berada dalam pemeliharaannya.

Kesemua faktor di atas hanya mampu mengurangkan tekanan perasaan dan beban tanggungan mereka yang terlibat tetapi tidak mungkin dapat menghapuskan semua kesan yang ada. Untuk itu Islam membolehkan rujuk dan nikah semula agar pasangan tersebut dapat berdamai semula dan membina kehidupan baru bersama.

Oleh kerana keenam-enam faktor itu membawa banyak faedah dalam menjamin masa depan mereka yang terlibat, maka Akta Undang-Undang Keluarga Islam 1984 telah mengambil kira faktor-faktor tersebut. Walau bagaimanapun, peruntukan-peruntukan yang ada tidak akan membawa apa-apa faedah sekiranya perlaksanaan yang sebaiknya tidak dilakukan. Ini jelas dilihat dalam kajian ini terutama dalam aspek nafkah edah dan nafkah anak yang tidak menunjukkan komitmen yang bersungguh-sungguh baik dari pihak lelaki, perempuan atau mahkamah sendiri. Adalah diharapkan perlaksanaan Akta Undang-Undang Keluarga Islam 1984 akan dapat mengurangkan kadar perceraian di Malaysia dan lebih menjamin masa depan mereka yang terlibat.

BAB V

KESIMPULAN

Pengenalan

Dalam bab ini saya akan membuat rumusan tentang penemuan-penemuan yang didapati dalam kajian ini.

5.1 Kesimpulan Kajian

Dari apa yang dibincangkan dalam Bab 2, 3 dan 4, didapati bahawa:-

- (a) Perceraian mempunyai beberapa pola-pola tertentu.
- (b) Sebab-sebab perceraian dipengaruhi oleh beberapa faktor yang lain.
- (c) Secara keseluruhannya, perceraian membawa kesan yang negatif kepada individu yang terlibat dan masyarakat.
- (d) Islam memperuntukkan beberapa cara untuk mengatasi dan mengurangkan kesan dari perceraian seperti mut'ah, nafkah edah dan anak dan lain-lain lagi tetapi tidak semua peruntukan ini diamalkan dan jika ada pun, ia tidak diamalkan dengan bersungguh-sungguh.

5.2 Pola-Pola Perceraian

Terdapat beberapa pola perceraian yang jelas dalam Bab 2.

Di antaranya ialah:-

- (i) Perceraian lebih kerap berlaku di kalangan pasangan yang baru berkahwin.
- (ii) Perceraian lebih kerap melanda pasangan yang berasal dari kampung yang berlainan.
- (iii) Perceraian lebih kerap berlaku di kalangan pasangan yang tiada atau belum mempunyai anak.
- (iv) Kemungkinan adanya amalan perkahwinan dan perceraian yang 'habitual'.

5.3 Sebab-Sebab Perceraian

Dijelaskan dalam Bab 3 bahawa pasangan memberi berbagai sebab mengapa mereka bercerai. Dari analisis yang dibuat didapati bahawa sebab-sebab ini ada kaitannya dengan faktor-faktor yang lain.

68.4% dari perceraian yang berlaku berpunca dari ketidaksesuaian antara pasangan suami isteri. Sebab ini lebih kerap melanda pasangan yang telah berkahwin kurang dari 12 tahun. Pasangan yang bercerai kerana tidak sesuai ini kebanyakannya merupakan yang berasal dari kampung dan negeri yang berlainan. Perceraian kerana tidak sesuai ini juga kebanyakannya melibatkan pasangan yang mengamalkan monogami dan tidak mempunyai anak.

10.5% dari perceraian berlaku atas alasan isteri tidak suka bermadu. Pasangan yang paling kerap bercerai dengan sebab ini adalah pasangan yang sudah berkahwin lebih dari 30 tahun. Sebab ini juga menjadi sebab utama perceraian bagi pasangan yang

suaminya mengamalkan poligini. Sebab isteri tidak suka bermadu ini juga lebih kerap diberi oleh pasangan yang tidak mempunyai anak.

8.6% dari pasangan memberikan sedikit pertelingkahan sebagai sebab perceraian mereka. Sebab ini lebih kerap melanda mereka yang telah lama berumahtangga terutamanya yang telah berkahwin lebih dari 40 tahun. Sebab ini juga lebih kerap melanda mereka yang berasal dari satu kampung. Peratus pasangan yang bercerai kerana sebab ini adalah tinggi sedikit di kalangan pasangan yang mengamalkan poligini berbanding dengan pasangan yang mengamalkan monogami. Ia juga lebih kerap melanda pasangan yang belum mempunyai anak.

2.4% perceraian berlaku kerana isteri tidak mahu ikut suami. Perceraian atas sebab ini banyak berlaku di kalangan mereka yang berkahwin kurang dari 18 tahun dan berasal dari daerah dan negeri yang berlainan. Kebanyakan pasangan yang bercerai atas sebab ini tidak mempunyai anak atau mempunyai kurang dari 5 orang anak.

Ada juga perceraian yang berlaku kerana suami tua atau sakit. Pasangan yang bercerai kerana sebab ini adalah mereka yang telah berkahwin selama kurang dari 6 tahun dan antara 12 hingga 18 tahun. Pasangan yang bercerai itu juga adalah pasangan yang tidak mempunyai anak atau yang mempunyai satu atau dua orang anak.

Terdapat 3 kes di mana perceraian berlaku disebabkan masalah dengan mertua. Sebab ini sering menjadi punca utama perceraian di kalangan mereka yang berkahwin kurang dari 6 tahun. Semua pasangan yang bercerai atas sebab ini adalah berasal dari kampung yang berlainan. Semua pasangan itu juga telahpun mempunyai anak, jadi punca masalah

bukanlah disebabkan oleh ketiadaan anak.

Ada juga perceraian yang berlaku disebabkan oleh perasaan cemburu iaitu sebanyak 3 kes. Pasangan yang bercerai kerana cemburu adalah pasangan yang telah berumahtangga kurang dari 12 tahun. Perceraian yang disebabkan oleh cemburu ini tidak melanda pasangan yang suaminya mengamalkan poligini, sebab ini juga lebih kerap melanda mereka yang tiada anak.

Model Asimilasi menyatakan bahawa salah seorang dari pasangan suami isteri itu cuba mempengaruhi pasangannya untuk mengikut corak pemikirannya yang bertujuan untuk mengelakkan perbezaan dan mewujudkan persamaan (Bernard, 1964: 166). Kegagalan asimilasi menyebabkan kemungkinan untuk berpisah adalah tinggi (Cohen, 1971: 4).

Dari sebab-sebab perceraian yang diberi didapati bahawa kebanyakan perceraian adalah berpunca dari kegagalan asimilasi. Ini dapat dilihat dalam kes perceraian yang disebabkan oleh ketidaksesuaian, isteri tidak suka bermadu, sedikit pertelingkahan, tidak mahu ikut suami dan cemburu. Selain dari itu, perceraian juga disebabkan oleh wujudnya pihak ketiga dan faktor-faktor luaran seperti masalah dengan mertua dan suami tua atau sakit.

Dari sini dapatlah dikatakan bahawa Model Asimilasi itu benar tetapi dalam keadaan tertentu ia tidak dapat menerangkan mengapa perceraian berlaku seperti dalam kes perceraian kerana masalah dengan mertua dan suami tua atau sakit. Jadi, bolehlah disimpulkan bahawa dalam kebanyakan kes kegagalan asimilasi antara suami dan isteri

boleh membawa kepada perceraian, tetapi perceraian juga mungkin boleh berlaku bila ada pihak ketiga atau faktor-faktor luar yang mengganggu keseimbangan sesuatu perhubungan suami isteri.

5.4 Kesan-Kesan Perceraian

Seperti yang dijelaskan dalam Bab 4, walaupun perceraian adalah jalan keluar terakhir dalam sesebuah rumah tangga yang berkonflik namun pada keseluruhannya ia membawa kesan negatif kepada setiap pihak yang terlibat iaitu:-

- (a) Suami
- (b) Isteri
- (c) Anak-anak
- (d) Keluarga kedua belah pihak

Suami akan terpisah dari anak-anaknya yang diletakkan dalam jagaan isteri (Zainab Jusoh, 1988: 76). Kemesraan antara bapa dan anak-anak akan menjadi longgar dan bapa akan merasakan kehilangan anak-anaknya. Selain dari itu, seandainya perceraian berlaku di masa suami masih menyayangi isterinya maka suami mungkin akan mengalami tekanan jiwa (Zainab Jusoh, 1988: 76) hingga membawa kepada 'gila talak'. Suami juga akan keberatan untuk mencari pasangan baru kerana serik dengan pengalamannya yang lalu (Azman Ahmad Aziz, 1981: 129).

Isteri pula akan dinafikan haknya untuk mendapatkan nafkah zahir dan batin dari suami (Zainab Jusoh, 1988: 70). Untuk menyara hidup, bekas isteri terpaksa keluar mencari kerja. Bagi isteri yang sememangnya bekerja dan bergaji besar, perceraian sudah tentu tidak

menjejaskan kedudukan kewangan mereka. Tetapi, bagi isteri yang selama ini menjadi suri rumah sepenuh masa, nafkah zahir akan menjadi masalah yang besar. Dalam keadaan terdesak, mereka mungkin akan mencari rezeki melalui perbuatan yang haram seperti melacur dan sebagainya. Bekas-bekas isteri yang bergelar janda ini juga sering menghadapi "social sanction" atau "stigmatization" (Azman Ahmad Aziz, 1981: 129; Zainab Jusoh, 1988: 70). Selain dari itu, janda juga mungkin mengalami kesukaran dalam mencari teman baru akibat pengalaman yang dialaminya (Azman Ahmad Aziz, 1981: 129).

Anak-anak akan merasa sedih, kehilangan kasih sayang salah seorang ibubapa mereka dan menghadapi tekanan perasaan dari perpisahan ini (Azman Ahmad Aziz, 1981: 129). Anak-anak yang kehilangan kasih sayang ini lebih cenderung untuk melibatkan diri dalam delinkuensi dan ini dibuktikan oleh kajian di Malmo, Sweden (Dominian, 1968: 123) dan di Malaysia (Fong Yut Kuan, 1982/83: 34).

Perceraian akan mempengaruhi hubungan antara suami dan isteri dengan bekas mertua masing-masing, hubungan cucu dengan datuk dan neneknya dan hubungan sesama besan. Seandainya kedua belah pihak tidak dapat menerima hakikat perceraian itu, maka hubungan akan dipenuhi dengan konflik dan berkemungkinan untuk putus (Azman Ahmad Aziz, 1981: 130; Zainab Jusoh, 1988: 79).

5.5 Peruntukan-Peruntukan Dalam Islam Bagi Mengurang dan Mengatasi Kesan Perceraian

Islam memperuntukkan beberapa perkara bagi mengurang dan mengatasi kesan-kesan perceraian. Antaranya ialah:-

- (a) Mut'ah
- (b) Nafkah edah
- (c) Harta sepencarian
- (d) Hak Penjagaan anak
- (e) Nafkah anak
- (f) Rujuk
- (g) Nikah semula

Dalam kajian ini didapati bahawa pemberian mut'ah tidak diamalkan. Selain dari itu, hanya sebilangan kecil suami sahaja (4.0%) yang memberikan nafkah edah kepada isteri mereka. Walaupun pemberian nafkah edah diamalkan nilai nafkah yang diberi adalah rendah (Jadual 4.2). Dalam kajian ini juga didapati bahawa tiada bukti tentang adanya amalan pemberian harta sepencarian kepada isteri setelah bercerai. Dalam hal penjagaan anak pula, dalam kebanyakan kes, hak penjagaan anak diberi kepada ibu yang diceraikan itu. Walaupun bagaimanapun, 72.0% bapa sanggup memberi nafkah anak tetapi jumlah nafkah ini tidaklah begitu banyak (Jadual 4.5).

Dalam kajian ini didapati bahawa hanya 14.8% (31 orang) pasangan yang memanfaatkan rujuk manakala satu pasangan lagi nikah semula. Ini menunjukkan bahawa rujuk dan nikah semula tidak mendapat sambutan di kalangan pasangan yang bercerai di kawasan ini.

5.6 Kesimpulan

Secara ringkasnya, berbagai pola perceraian yang ditemui dalam kajian ini. Pola-pola ini boleh dijadikan panduan agar kita menjauhkan diri dari perkahwinan-perkahwinan yang sedemikian.

Walaupun pasangan memberi berbagai sebab tertentu sebagai alasan perceraian mereka tetapi sebab-sebab itu sebenarnya ada kaitan dengan faktor-faktor yang lain seperti tempoh nikah, kampung asal pasangan, jenis perkahwinan yang diamalkan dan bilangan anak yang dimiliki oleh pasangan tersebut.

Perceraian lebih memberikan kesan negatif kepada individu yang terlibat dan masyarakat. Oleh itu, Islam memberi beberapa peruntukan untuk mengurangkan dan mengatasi kesan-kesan itu. Walau bagaimanapun, tanpa perlaksanaan yang sepenuhnya, segala peruntukan ini tidak akan membawa manfaat kepada mana-mana pihak. Adalah diharapkan di masa akan datang, dengan perlaksanaan Akta Undang-Undang Keluarga Islam 1984, kadar perceraian akan dapat dikurangkan. Seandainya perceraian tidak dapat dielakkan, dengan akta tersebut adalah diharapkan nasib mereka yang terlibat dalam perceraian akan lebih terjamin lagi.

BIBLIOGRAFI

1. Abdullah Taib, Asas-Asas Antropologi, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1985.
2. Ahmad Ibrahim, Islamic Law In Malaya, Malaysian Sociological Research Institute, Singapore, 1965.
3. Ahmad, K.N., Muslim Law of Divorce, Ripon Press, Lahore, 1971.
4. Ahmad Shukran b. Mohamad, Faktor-Faktor Perceraian Dalam Masyarakat Islam di Malaysia: Satu Kajian di Daerah Maran, Pahang Darul Makmur, Latihan Ilmiah Fakulti Syariah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1988.
5. al-Hadi, Syed Alwi Sheikh, Adat-Resam dan Adat-Istiadat Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1980.
6. Azman b. Abdul Aziz, Pola Perceraian: Faktor-Faktor Sosial Yang Mempengaruhinya (Satu Kajian Atas Masyarakat Metayu) di Daerah Teluk Anson, Perak, Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 1981.
7. Berita Publishing, Information Malaysia 1988 Yearbook, Berita Publishing Sendirian Berhad, 1988.
8. Bernard, Jessie, "Models of Marital Adjustment" dalam Family Relations: Concepts and Theories, Diedit oleh Raymond J.R. King, University of Otago, New Zealand, 1969.
9. Cohen, Ronald, Dominance and Defiance, American Anthropological Association, Washington D.C., 1971.
10. Dominian, Jack, Marital Breakdown, Penguin Books, 1968.
11. Fong Yut Kuan, Broken Homes and Juvenile Delinquency, Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1982/83.
12. Fyzee, Asaf A.A., Outlines of Muhammadan Law, Third Edition, Oxford University Press, 1964.
13. Hassan Salleh, Asas Kekeluargaan Islam, Bahasan Empat Mazhab: Syafi'i, Hanafi, Maliki dan Hanbali, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1989.

14. Hutter, Mark, The Changing Family, John Wiley and Sons, Inc., 1981.
15. Kirkpatrick, Clifford, "Family: Disorganization and Dissolution" dlm. Internatioanl Encyclopedia of the Social Sciences, Vol. 5, Repeated Edition, 1972.
16. Mohmood Zuhdi Hj. Abdul Majid dan Raihanah Hj. Azahari, Undang-Undang Keluarga Islam: Konsep dan Perlaksanaannya di Malaysia, Karya Abazie, Kuala Lumpur, 1989.
17. Moktar Hj. Md. Dom, Istiadat Perkahwinan Masyarakat Melayu, Federal Publications, Kuala Lumpur, 1977.
18. Othman Ishak, Fatwa Dalam Perundangan Islam, Kuala Lumpur, 1981.
19. Raja Rohana Raja Mamat, Peranan dan Status Wanita Melayu di Malaysia. Dariipada Perspektif Sosial dan Undang-Undang, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1991.
20. Salleh Ismail, Pembubaran Perkahwinan Mengikut Fiqh dan Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia: Satu Kajian Kes di Kuala Terengganu, Latihan Ilmiah, Fakulti Syariah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1988.
21. Tai, Ching Ling, "A Sociological Analysis of Divorce in Singapore" dlm. Southeast Asian Journal of Social Science, Vol. 3, No. 1, 1975.
22. Westermarck, Edward Alexander, The History of Human Marriage, 5th Edition, Vol. 3, New York, 1971.
23. Wan Mohd. Wan Ibrahim, Komuniti Nelayan di Kuala Besut, Besut Terengganu: Satu Kajian Kes Ke Atas Struktur Sosio-Ekonomi dan Pembangunan, Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1980/81.
24. Zainab Jusoh, Masalah Perceraian Umat Islam Masa Kini: Satu Kajian Kes di Daerah Kuala Terengganu, Latihan Ilmiah, Fakulti Syariah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1988.

Keratan Akhbar

1. New Straits Times, 12 March 1986, 23 February, 1987.
2. Star, 1 Jun, 1987.